**PIP: LRT & monorel di P. Pinang** MS 4



**Imbasan 2015** MS 14 & 15




PERCUMA

buletin Mutiara

Cekap Akauntabel Telus

www.buletinmutiara.com

16 – 31 DISEMBER, 2015

http:www.facebook.com/buletinmutiara
http:www.facebook.com/cmlimguaneng

# Tangani banjir, harap Pusat lulus demi faedah rakyat P. Pinang

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**




**JAGDEEP Singh Deo (dua dari kiri) bersama-sama penduduk mengadakan demonstrasi bantahan ke atas Kerajaan Pusat yang didakwa melengah-lengahkan proses kelulusan peruntukan projek ROL Sungai Pinang di sini baru-baru ini.**

**SUNGAI PINANG** – Di sebalik kejadian banjir yang melanda beberapa kawasan di Pulau Pinang baru-baru ini, Jagdeep Singh Deo berharap Kerajaan Pusat jangan memungkiri janji mereka untuk meluluskan peruntukan bagi kerja-kerja pelebaran serta mendalamkan beberapa batang sungai di negeri ini.

Menurut Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan itu, peruntukan projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) (dalam Rancangan Malaysia Ke-10, RMK10) atau Rancangan Living River (ROL) (dalam permohonan peruntukan RMK11) di Sungai Pinang sebanyak RM450 juta sepatutnya diluluskan sekarang, memandangkan Kerajaan Negeri hari ini berjaya mengosongkan kawasan tebing di sepanjang muara sungai tersebut untuk tujuan projek pembangunan berwajib.

"Ini, dia (Kerajaan Pusat) minta kita buat (proses memindahkan penduduk dari tebing Sungai Pinang), apabila kita berjaya buat, tiba-tiba dia (Pusat) kata tak lulus.

"Sekarang, kita (Kerajaan Negeri) menunggu dana peruntukan daripada Kerajaan Pusat untuk kerja-kerja dimulakan," tegas Jagdeep kepada wartawan di sini baru-baru ini.

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat bersama-sama komuniti penduduk setempat turut meninjau kawasan tebing Sungai Pinang berwajib, lalu, melancarkan demonstrasi bantahan ke atas Kerajaan Pusat yang didakwa melengah-lengahkan proses kelulusan peruntukan projek itu.

Katanya, Kerajaan Negeri sejak tahun 2008 lagi mengambil risiko berunding dengan 223 penduduk setempat bagi memindahkan keluar 101 struktur binaan pelbagai jenis dari sini demi menjayakan projek berkepentingan awam tersebut.

Ini katanya, adalah berdasarkan surat rasmi Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak bertarikh 9 Oktober lalu, yang mana Guan Eng antara lain memohon Najib meluluskan peruntukan berwajib, susulan berlakunya bencana banjir kilat di beberapa kawasan di negeri ini pada 23 September lalu.

Guan Eng yang juga ADUN Air Putih merangkap Ahli Parlimen Bagan turut menjelaskan bahawa RTB dan ROL Sungai Pinang merupakan salah satu daripada tujuh projek seumpamanya yang disenaraikan dalam RMK-11.

Enam projek lain adalah ROL di Sungai Juru yang menelan belanja RM80 juta, Sungai Jawi (RM40 juta), Sungai Perai (RM35 juta), RTB Bayan Lepas (RM153 juta), RTB Sungai Perai (RM35.4 juta) dan RTB Sungai Kechil (RM12 juta).

Peruntukan kesemua tujuh projek itu adalah berjumlah RM805.4 juta.

Ekoran itu, Guan Eng berharap, semua permohonan peruntukan dikemukakan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) Pulau Pinang dapat segera diluluskan oleh pihak Najib, demi faedah rakyat di negeri ini.

Mengulas lanjut, Jagdeep memberitahu, beliau sendiri ada menulis surat rasmi kepada Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar, Datuk Dr. Wan Junaidi Tuanku Jaafar untuk memohon Kerajaan Pusat segera meluluskan peruntukan projek-projek tersebut untuk Pulau Pinang.

"Kita mahukan komitmen, berikan garis masa dan tempoh masa secara terperinci mengenai pelaksanaan semua projek-projek ini," tegasnya.

Daripada empat fasa kerja-kerja pelebaran dan mendalamkan Sungai Pinang, difahamkan, fasa pertama di bahagian muara sungai itu telahpun dilaksanakan.

Jika peruntukan RM450 juta tersebut diluluskan Kerajaan Pusat, Jagdeep memberitahu bahawa fasa kedua yang dianggap memberi impak paling besar kerana membabitkan beberapa kawasan kerap banjir sehingga ke pekan Air Itam boleh dilaksanakan sekarang.

Sementara itu, Guan Eng dalam kenyataan berasingan menyifatkan bahawa Kerajaan Pusat sekali lagi akan meminggirkan Pulau Pinang.

Katanya, Kerajaan Persekutuan Barisan Nasional (BN) masih terus meminggirkan Pulau Pinang berikutan kegagalan memberikan sebarang projek utama dalam Belanjawan Negara kebelakangan beberapa tahun ini.

"Bukan sahaja janji Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak yang dibuat sebanyak tiga kali bagi membina sistem LRT (aliran transit ringan) bagi mengurangkan kesesakan lalulintas, tidak langsung ditunaikan, malah permohonan Kerajaan Negeri untuk program tebatan banjir sebanyak RM805 juta ditolak.

"Permohonan projek baru rancangan tebatan banjir sebanyak RM805 juta dibuat baru-baru ini, berikutan janji Perdana Menteri akan bantu menyelesaikan masalah banjir kilat, tetapi, malangnya ia masih tinggal janji kosong. Yang lebih teruk lagi, ialah kemungkinan besar RTB Sungai Pinang sebanyak RM150 juta dibatalkan sungguhpun sudah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Ke-9," jelasnya.

Selain itu, Guan Eng turut menyatakan bahawa Kerajaan Pusat kemungkinan turut memungkiri janji untuk membina hotel empat bintang serta 3,000 lot parkir bersama-sama projek pembesaran Lapangan Terbang Antarabangsa Pulau Pinang (LTAPP), jika berdasarkan pada jawapan bertulis Menteri Pengangkutan, Datuk Seri Liow Tiong Lai pada 24 November 2015 di Dewan Rakyat.

"Ini adalah sungguh tidak adil kerana Pulau Pinang membayar RM6.3 bilion setiap tahun dalam bentuk cukai dan duti kastam, tetapi hanya dapat pulangan dua peratus sahaja.

"Harus ditekankan bahawa Pulau Pinang masih sebahagian Malaysia dan tidak patut dianaktirikan dan diabaikan sedemikian," tegas beliau.

# Perangi denggi, bersihkan kawasan sekeliling rumah, seru KM




**JADUAL PROGRAM SARINGAN MAMMOGRAM PERCUMA PULAU PINANG 2016**

| | Sabtu | Pulau Pinang | Seberang Perai | Ahad | Pulau Pinang | Seberang Perai |
|---|---|---|---|---|---|---|
| Jan | 9 | Teluk Bahang | Penaga | 10 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |
| | 16 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya | 17 | Pantai Jerjak | Penanti |
| | 23 | Padang Kota | Bukit Tambun | 24 | Batu Maung | Perai |
| | 30 | Air Putih | Bagan Jermal | 31 | Seri Delima | Sungai Bakap |
| Feb | 6 | | | 7 | | |
| | 13 | | | 14 | | |
| | 20 | Dato Keramat | Bertam | 21 | Pulau Betong | Berapit |
| | 27 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir | 28 | Pengkalan Kota | Padang Lalang |
| Mar | 5 | Kebun Bunga | Bukit Tengah | 6 | Pulau Tikus | Jawi |
| | 12 | Batu Uban | Machang Bubok | 13 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal |
| | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh | 20 | Komtar | Pmtg Berangan |
| | 26 | Bagan Dalam | Sg Dua | 27 | Air Itam | Telok Air Tawar |
| Apr | 2 | Sungai Pinang | Sungai Puyu | 3 | Teluk Bahang | Penaga |
| | 9 | Pantai Jerjak | Penanti | 10 | Tanjong Bungah | Seberang Jaya |
| | 16 | Batu Maung | Perai | 17 | Padang Kota | Bukit Tambun |
| | 23 | Seri Delima | Sungai Bakap | 24 | Air Putih | Bagan Jermal |
| | 30 | Pulau Betong | Berapit | 1 | Labour Day | |
| Mei | 7 | Pengkalan Kota | Padang Lalang | 8 | Dato Keramat | Bertam |
| | 14 | Pulau Tikus | Jawi | 15 | Batu Lanchang | Pmtg Pasir |
| | 21 | Wesak Day | | 22 | Kebun Bunga | Bukit Tengah |
| | 28 | Bayan Lepas | Pinang Tunggal | 29 | Batu Uban | Machang Bubok |
| Jun | 4 | Yang di-Pertuan Agong's Bday | | 5 | | |
| | 11 | Komtar | Pmtg Berangan | 12 | Bagan Dalam | Sg Dua |
| | 18 | Air Itam | Teluk Air Tawar | 19 | Paya Terubong | Sungai Acheh |
| | 25 | Teluk Bahang | Penaga | 26 | Sungai Pinang | Sungai Puyu |



**KETUA Menteri sambil ditemani Dr. Afif Bahardin (depan, dua dari kanan) ketika mengadakan lawatan ke sekitar kediaman mangsa denggi di sini baru-baru ini.**

Oleh : **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**PAYA TERUBONG** - Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, menyeru rakyat di negeri ini supaya melabelkan demam denggi sebagai suatu 'bencana' dan perlu diperangi secara habis-habisan.

Katanya, apabila masyarakat mula melihat demam denggi sebagai sesuatu yang sudah 'biasa', mereka tidak akan mengendahkan ancaman wabak berkaitan.

"Tahun ini sahaja, sebanyak 16 kes kematian dicatatkan di Pulau Pinang jika dibandingkan hanya lima pada tempoh yang sama tahun 2014.

"Walaupun ada yang melihat bilangan ini kecil, namun ianya tetap melibatkan nyawa seorang manusia dan kita semua tidak boleh berkompromi lagi kerana setiap nyawa adalah sangat berharga.

"Justeru, sekali lagi saya ingin menyeru kepada orang ramai supaya meluangkan masa membersihkan kawasan sekeliling rumah.

"Kita tidak boleh hanya berharap kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) semata-mata, kerana rumah kita adalah tanggungjawab kita," katanya ketika mengadakan lawatan ke kediaman waris seorang mangsa denggi di sini baru-baru ini.

Dalam lawatan tersebut, Ketua Menteri menyampaikan sumbangan bernilai RM500 kepada Tham Peng Kuan, 47, yang 'kehilangan' teman serumahnya, Sharon Chai, 55, pada 11 November lalu akibat demam denggi.

Turut sama, Exco Pertanian, Industri Asas Tani, Pembangunan Desa dan Kesihatan, Dr. Afif Bahardin dan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin.

Peng Kuan ketika menceritakan detik 'kehilangan' teman serumahnya menyatakan bahawa mangsa sebelum itu mengadu sakit tulang dan demam panas.

"Saya bawa mendiang ke klinik, tetapi kemudiannya diarahkan untuk ke hospital setelah disyaki suhu badan mendiang naik mendadak.

"Mendiang dimasukkan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di salah sebuah hospital swasta di sini pada 10 November lalu sebelum dipindahkan ke Hospital Pulau Pinang. Keesokan harinya, mendiang disahkan meninggal dunia," ceritanya dalam keadaan sebak sambil mengalirkan air mata.

## Saguhati hargai 975 pentadbir makmur masjid kariah - YDP MAINPP

**SEBERANG JAYA** – Peruntukan saguhati pengurusan sebanyak RM398,406 dari sumber zakat diserahkan kepada 975 penerima mewakili 203 kariah masjid baru-baru ini.

Yang di-Dipertua Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP), Dato' Mohd. Salleh Man berharap saguhati itu menggandakan lagi mutu tadbir urus pengurusan kariah masjid di negeri ini.

"MAINPP telah bersetuju untuk memberi saguhati kepada empat jawatan tertinggi, iaitu RM600 kepada pengerusi dan setiausaha (Jawatankuasa) Kariah Masjid, manakala RM400 untuk timbalan pengerusi dan bendahari.

"Dengan sumbangan ini, kita (MAINPP) bukan sahaja mengharapkan mutu pentadbiran di peringkat kariah dan masjid bertambah makmur, malah menggalakkan lagi umat membayar zakat yang wajib ini melalui Zakat Pulau Pinang (ZPP)," katanya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Permatang Pasir pada Majlis Serahan Saguhati Pengurusan Masjid Kariah 2015 di sini baru-baru ini.

Pengurus Besar ZPP, Azman Abdul Samat turut berucap pada majlis tersebut.

Hadir sama, Mufti Negeri Pulau Pinang, Sohibus Samahah Dato' Dr. Wan Salim Wan Mohd. Moor dan Dato' Abdul Halim Hussain (Timbalan Yang di-Pertua MAINPP).

Mohd. Salleh memberitahu, MAINPP melalui ZPP senantiasa meningkatkan mutu pelanggan, antaranya gigih menjejaki golongan asnaf terpilih untuk diserahkan sumbangan berwajib daripada sumber zakat sepanjang tahun.

Ini, tambahnya, termasuk sumbangan pakaian serta kelengkapan sekolah yang disumbangkan kepada murid-murid menjelang musim 'Kembali Ke Sekolah' pada hujung tahun ini.



**MOHD. Salleh Man (dua dari kiri) diiringi Azman Abdul Samat (kiri sekali) menyerahkan saguhati pentadbiran kepada salah seorang penerima pada Majlis Serahan Saguhati Pengurusan Masjid Kariah 2015 di sini baru-baru ini.**

# Pulihara Makam Dato' Koyah sebagai monumen warisan negeri

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Kerja-kerja pemuliharaan semula Makam Datuk Koyah berusia 175 tahun dekat Jalan Transfer di tengah-tengah Bandaraya George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO sebagai satu lagi monumen warisan di negeri ini memerlukan dana antara RM800,000 hingga RM2 juta.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng berkata, beliau mengeluarkan peruntukan warisan sebanyak RM100,000, manakala RM250,000 melalui agensi persekutuan, *Think City*.

Katanya, sumbangan RM100,000 tersebut diserahkan kepada wakil Persatuan Warisan Datuk Koyah, selepas mendapat sokongan daripada Majlis Agama Islam Negeri Pulau Pinang (MAINPP) sendiri.

"Bangunan ini adalah sebahagian daripada warisan dan sejarah negeri Pulau Pinang kerana ia berusia 175 tahun.

"Ia seharusnya dijadikan milikan semua tak kira orang Islam atau bukan Islam, menjadi satu kebanggaan untuk George Town dan Pulau Pinang.

"Pihak MAINPP sendiri telahpun bersetuju untuk menyegerakan kerja-kerja baik pulih dan penyelenggaraan bangunan ini.

"Saya berharap para pencinta warisan turut dapat menyumbang pada usaha memulihara bangunan warisan ini," jelasnya selepas melawat bangunan warisan tersebut di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim dan Chow Kon Yeow (Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir).

Guan Eng yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam memberitahu, kerja-kerja pemulihan berwajib termasuk merobohkan sebahagian daripada binaan batu yang rosak serta membaikpulih kerosakan pada struktur tingkap, bumbung dan pintu sedia ada pada bangunan warisan tersebut.

Bangunan Makam Datuk Koyah atau nama asalnya, Datuk Syed Mustapha Idris dibina pada tahun 1840 oleh para pengikutnya.

Koyah bermaksud tuan, guru atau orang yang dihormati, dengan kewujudan makam tersebut, ia menjadi salah satu simbol penempatan awal masyarakat India Muslim di negeri ini.



**KETUA Menteri menyampaikan sumbangan kepada wakil Persatuan Warisan Datuk Koyah, sambil disaksikan Chow Kon Yeow (empat dari kanan) dan Abdul Malik Abul Kassim (tiga dari kanan) di sini baru-baru ini.**



**RUPA bentuk bangunan secara keseluruhan.**



**SALAH satu bahagian dalam bangunan.**

# Exco mahu KPKT jelas isu cadangan kenaikan harga rumah

**GEORGE TOWN** – Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo mahu Menteri di Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT), Datuk Abdul Rahman Dahlan menjelaskan cadangan penyemakkan semula harga rumah kos rendah (RKR) dan kos sederhana rendah (KSR) di negara ini sekaligus memperlihatkan kenaikan harga bagi kedua-dua skim perumahan berkaitan.

Menurut Jagdeep, beliau difahamkan bahawa melalui mesyuarat Majlis Perumahan Negara (MPN) yang diadakan pada 21 Ogos 2015 yang turut dihadiri Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow, telah mencadangkan kenaikan harga RKR ke RM65,000 dan RM100,000 bagi KSR.

"KPKT perlu menjelaskan sama ada cadangan tersebut akan dilaksanakan atau tidak? Sekiranya dilaksanakan, maka ia akan memberi impak yang besar serta membebankan rakyat," katanya kepada pemberita dalam sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Ahli Jawatankuasa Pembersihan dan Peningkatan Mutu Proses Pemilihan Perumahan (SPEC) yang juga merupakan Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Jawi, Soon Lip Chee.

Mengulas lanjut, Jagdeep berkata, pada masa kini, Kerajaan Negeri telah menetapkan polisi harga rumah bagi kedua-dua skim tersebut iaitu pada harga RM42,000 bagi RKR dan RM72,500 bagi KSR.

"Kita (Kerajaan Negeri) perlu tahu, apakah justifikasi cadangan kenaikan harga tersebut.

"Sekiranya kenaikan tersebut kerana GST (pelaksanaan Cukai Barangan dan Perkhidmatan), nilai mata wang Ringgit (RM) jatuh dan kos harga barangan pembuatan naik, itu bukanlah alasan kukuh untuk menaikkan harga rumah sewenang-wenangnya.

"Kerana situasi kini, walaupun harga rumah pada RM42,000, kadar penolakan pinjaman dari bank-bank di Malaysia masih tinggi. Bagaimana mereka (Pusat) boleh mencadangkan kenaikan sehingga RM65,000 sedangkan pada harga RM42,000 pun belum tentu diluluskan (pinjaman bank).

"Berapa ramai lagi rakyat Malaysia yang masih belum memiliki rumah termasuk di Pulau Pinang.

"Oleh itu, sekiranya cadangan tersebut hendak dilaksana, saya sedia untuk berjumpa dengan Abdul Rahman dan berharap pihaknya dapat mengambil kira pandangan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung harga rumah semasa.



**JAGDEEP Singh Deo.**

"Kerajaan Negeri khuatir sekiranya kenaikan tersebut akan membebani rakyat dan kita akan terus memelihara kepentingan rakyat untuk memiliki rumah," katanya yang turut mengirimkan sepucuk surat rasmi kepada Abdul Rahman pada 24 November 2015.

# 'Lampu hijau' PIP, SRS boleh runding dan dapat kelulusan SPAD

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB & AINUL WARDAH SOHILLI**

**GEORGE TOWN –** 'Lampu hijau' yang diberikan oleh Kerajaan Negeri baru-baru ini membolehkan Konsortium SRS selaku rakan penyampai projek (PDP) untuk berunding serta mendapatkan kelulusan berwajib berhubung pelaksanaan Pelan Induk Pengangkutan (PIP) Pulau Pinang daripada beberapa pihak berkaitan termasuk Suruhanjaya Pengangkutan Awam Darat (SPAD).

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata demikian kepada wartawan, selepas selesai suatu Mesyuarat Exco Kerajaan Negeri dengan wakil Konsortium SRS di sini baru-baru ini.

"Dengan 'lampu hijau' ini, SRS diberikan kebenaran untuk membentangkan (PIP) kepada SPAD...dengan tujuan untuk mendapatkan kelulusan pada akhirnya (daripada Kerajaan Pusat)," katanya yang juga Pengerusi Suruhanjaya Pengangkutan Pulau Pinang (PTC).

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, Lim Hock Seng (Exco Kerja Raya, Pengangkutan dan Utiliti) serta Jagdeep Singh Deo (Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan) turut sertai sidang media itu.

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu bahawa Kerajaan Negeri baru-baru ini meluluskan skim pengangkutan awam atas landasan dan skim pemajuan lebuhraya secara bersepadu, meliputi bahagian pulau dan Seberang Perai.

"Skim pengangkutan awam atas landasan *(railway scheme)* terdiri oleh satu jajaran transit aliran ringan (LRT) serta dua monorel di bahagian pulau, serta satu LRT lain merentasi laut ke tanah besar Seberang Perai.

"Skim tersebut juga terdiri oleh satu lagi jajaran monorel serta mewujudkan sistem bas alihan cepat (BRT) di Seberang Perai.

"Satu lagi skim adalah mengenai pemajuan beberapa jajaran lebuhraya secara bersepadu *(highway scheme)* di bahagian pulau ke Seberang Perai, demi menangani kesesakan trafik kenderaan pada waktu puncak.

"Secara khususnya, satu adalah *railway scheme,* kedua adalah *highway scheme* (dan) kelulusan ketiga yang diberikan adalah fasa pertama yang kita (Kerajaan Negeri) ini melaksanakan jajaran LRT dari Komtar ke Bayan Lepas," jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Tambah beliau, rangkaian *island link* juga adalah satu lagi projek yang diutamakan Kerajaan Negeri, sama seperti jajaran LRT Komtar - Bayan Lepas.

Bercakap pada sidang media sama, Pengarah Projek PIP dari Konsortium SRS, Szeto Wai Long memberitahu bahawa proses mendapatkan kebenaran berwajib SPAD adalah kira-kira dalam tempoh setahun, dan kerja-kerja pembinaan dijadual bermula pada tahun 2017.

Katanya, Konsortium SRS sebelum sidang media ini telahpun membentangkan secara terperinci mengenai kaedah serta proses mendapatkan kelulusan berwajib daripada agensi-agensi persekutuan, termasuk SPAD.

PIP yang dianggarkan menelan belanja RM27 bilion akan dilaksanakan oleh Konsortium SRS sehingga tahun 2030, demi menangani masalah kesesakan trafik pada masa hadapan di negeri ini.

Sementara itu, pada majlis berasingan, Guan Eng memberitahu bahawa penempatan yang terjejas disebabkan pelaksanaan PIP nanti akan diberi perhatian oleh Kerajaan Negeri.

Ini kerana, katanya, rundingan awam dengan penduduk setempat serta kelulusan Penilaian Impak Sosial (SIA) dan Kajian Terperinci Impak Alam (DEIA) mesti diperoleh terlebih dahulu, sebelum memulakan kerja-kerja pelaksanaan PIP ini.

"Kita (Kerajaan Negeri) memberi jaminan bahawa DEIA akan diambil kira bagi memastikan aspek alam sekitar sedia ada tetap terpelihara dengan baik termasuk aspek maritim," jelas Guan Eng.







LAKARAN rangkaian jaringan PIP yang dicadangkan pihak PDP.

# KN nikmati lebihan belanjawan setiap tahun - KM

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**

**GEORGE TOWN –** Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng menegaskan bahawa tadbir urus yang dijalankan Kerajaan Negeri adalah berdasarkan lebihan bajet dan bukannya secara defisit sebagaimana didakwa sesetengah pihak.

Jelasnya, pengurusan kewangan yang baik membolehkan Kerajaan Negeri menikmati lebihan belanjawan setiap tahun sebagaimana disahkan dalam Laporan Ketua Audit Negara.

"Sungguhpun sewaktu pembentangan bajet, kita (Kerajaan Negeri) menganggarkan belanjawan defisit sebanyak RM200 juta, namun apabila penyata kedudukan kewangan ditutup, kita (Kerajaan Negeri) memperoleh lebihan sebanyak RM54.17 juta dalam akaun hasil disatukan.

"Ini jelas terbukti berdasarkan jumlah rizab tunai pada tahun 2014 berjumlah RM1,456.03 juta berbanding RM1,292.10 juta (2013)," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Menurut Guan Eng, Kerajaan Negeri masih mampu membayar gaji kakitangan awam dan mencatatkan lebihan kewangan bagi meneruskan program-program kebajikan dan pembangunan yang dirancang meskipun hanya menerima balik pulangan dua peratus sahaja daripada keseluruhan cukai yang dibayar oleh rakyat Pulau Pinang kepada Kerajaan Pusat iaitu RM6.3 bilion.

"Tidak seperti sesetengah negeri, yang mana duit nak bayar gaji pun tak mencukupi.

"Secara umumnya, rizab tunai tidak boleh dikosongkan.

"Belanjawan kita (Kerajaan Negeri) pada tahun depan (2016) adalah membabitkan RM1,105.65 juta, sekiranya rizab ini kurang daripada belanjawan, macam mana kita (Kerajaan Negeri) boleh jalankan projek-projek pembangunan, malah tak cukup wang untuk biayai perbelanjaan bajet pun.

"Justeru, saya harap pihak-pihak tertentu boleh hentikan tohmahan dan fitnah bahawa kita (Kerajaan Negeri) mencatatkan defisit setiap tahun," tegas beliau.



EMPAT pelajar SJKT Ramakrishna, George Town yang diraikan di sini baru-baru ini.

# KN rai kecemerlangan pelajar & guru SJKT Ramakrishna

**CEMERLANG...** Empat pelajar Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT) Ramakrishna, George Town di sini menerima sumbangan penghargaan daripada Kerajaan Negeri ekoran kejayaan meraih pingat emas pada Pertandingan Reka Cipta Inovatif Pelajar Antarabangsa Ke-3 yang berlangsung di Hong Kong pada 26 November lalu.

Mereka ialah K. Shalini Privyanka, V. Usha Chandrika, Caelyn Evelyn Thomas dan C. Vaisnavi yang masing-masing berusia 12 tahun. Turut dihargai adalah guru penasihat, D. Syiamala dan P. Subahshini.

Selain hadiah wang tunai, para pelajar berkaitan turut menerima sijil penghargaan daripada Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika menyampaikan sumbangan berkaitan menyatakan bahawa kejayaan dicapai oleh SJKT tersebut membuktikan bahawa usaha Kerajaan Negeri dalam memperkasakan sekolah Tamil di negeri ini, kini membuahkan hasil memberangsangkan.

"Mereka bukan sahaja mengharumkan nama Pulau Pinang dan negara, malah telah mengangkat nama sekolah Tamil dengan menunjukkan prestasi cemerlang di peringkat antarabangsa," ujar beliau.

Selain pingat emas, mereka turut memenangi enam anugerah khas lain antaranya, *Hong Kong Special Award; Star Award for the Best International Invention by YPPI Indonesia; Leading Innovation Award by Macao; Highest Standard of Excellence Award by INNOPA , Indonesia; Special Award by MINDS, Malaysia dan Honor of Invention WIIPA by Taiwan* melalui ciptaan alat untuk mengurangkan bunyi pengisar dikenali, '*Noise Reducer*' yang dihasilkan menggunakan sisa-sisa pertanian seperti hampas tebu dan kelapa serta tangkai jagung.

# Tmn. Free School perintis projek 'remajakan' semula bangunan lama

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri baru-baru ini mengumumkan penubuhan sebuah jawatankuasa khas bagi memantau secara berkala pembangunan semula skim-skim perumahan kos rendah 'berusia' di negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo ketika mengumumkannya memberitahu bahawa penubuhan Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar adalah bertujuan memantau secara berkala projek-projek pembangunan semula dan menaiktaraf rumah kos rendah di Pulau Pinang.

Katanya, jawatankuasa baru dipengerusikan beliau, yang juga akan meneliti rancangan pembangunan semula dan program 'meremajakan' semula bangunan-bangunan kediaman lama.

"Melalui jawatankuasa ini, kita akan mengkaji secara terperinci dan mengenal pasti bangunan kediaman sedia ada seperti rumah flat yang perlu diubahsuai dengan mengambil kira mobiliti, kos dan keselamatan penduduk.

"Begitu juga aspek-aspek yang perlu dari segi perundangan kerana sebahagian dari unit-unit rumah yang mungkin akan terlibat dalam pembangunan semula ini adalah milik persendirian," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Jawatankuasa Khas Pembangunan Semula Bandar atau *Urban Regeneration Committee* turut dianggotai Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow dan Exco Kerja Raya, Utiliti (Tenaga, Air & Telekom) dan Pengangkutan (Udara, Laut & Keretapi), Lim Hock Seng serta agensi-agensi kerajaan dan swasta berwajib.

Sebagai permulaan, Jagdeep yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat menyatakan bahawa Taman Free School bakal dijadikan sebagai perintis projek jawatankuasa tersebut.

"Kita (jawatankuasa khas) sedang dalam perancangan untuk merobohkan 1,250 unit rumah berkeluasan 500 kaki persegi (k.p) di Taman Free School untuk dibangunkan semula menjadi unit rumah yang berkeluasan 700 k.p dilengkapi tiga bilik dan dua bilik air.

"Malah, proses panggilan kertas cadangan (CFP) untuk projek ini sedang diusahakan.

"Saya percaya proses ini (pembangunan semula) akan mewujudkan suasana dan kualiti hidup lebih baik kepada penduduk setempat sekaligus dapat mengurangkan peningkatan kos penyelenggaraan yang kerap," ujar beliau.

Dalam pada itu, Jagdeep turut mendedahkan bahawa Kerajaan Negeri telah membelanjakan sejumlah RM21.1 juta bagi tujuan penyelenggaraan antara tahun 2010 hingga September 2015.

"Kos penyelenggaraan ini termasuk di Taman Tun Sardon yang menelan belanja RM5.2 juta, Mak Mandin (RM3.1 juta), Rifle Range (RM10.2 juta) dan Taman Free School (RM2.6 juta), kesemuanya bangunan lama yang berusia antara 29 tahun ke 40 tahun.

"Negara-negara seperti Singapura, Hong Kong dan Jepun telah berjaya 'meremajakan' semula skim-skim perumahan kos rendah yang telah berusia dan Pulau Pinang mengambil inisiatif melaksanakannya di sini," jelas beliau.

# Hotel SPICE dalam pusat konvensyen mantapkan sektor perhotelan negeri

**BAYAN BARU** – Sektor perhotelan di Pulau Pinang bakal maju setapak lagi apabila Hotel SPICE yang dibangunkan di *Subterranean Penang International Convention and Exhibition Centre* (SPICE) dijangka siap menjelang tahun 2019.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng ketika mengumumkan perkara tersebut memberitahu bahawa hotel bertaraf empat bintang berkaitan dijangka memulakan pembinaan pada tahun depan (2016) dan memerlukan tempoh dua hingga tiga tahun untuk siap sepenuhnya.

"Ia adalah edisi hotel terbaru di negeri ini yang akan menjadi tarikan utama kerana kedudukannya yang terletak di dalam sebuah pusat konvensyen bertaraf antarabangsa.

"Dengan prasarana setinggi 25 tingkat, Hotel SPICE akan dilengkapi dengan 453 buah bilik dan bakal dibangunkan pemaju, S.P. Setia Bhd. Group dengan nilai pelaburan anggaran kira-kira RM300 juta," ujarnya ketika mengadakan lawatan ke tapak SPICE di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga & Komuniti, Chong Eng, Pengarah Kawalan Bangunan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ar. Yew Tung Seang dan Pengurus Besar S.P. Setia Bhd. Group, Ng Han Seong.

Pembinaan SPICE yang keseluruhannya bernilai RM350 juta adalah hasil tender terbuka oleh MBPP yang dulunya dikenali sebagai Majlis Perbandaran Pulau Pinang (MPPP) pada tahun 2012.

Di bawah projek berkenaan, infrastruktur stadium utama dalam kawasan bekas Arena Sukan Antarabangsa Pulau Pinang (PISA) tersebut dinaiktaraf, manakala struktur lain telah dirobohkan dan didirikan dengan binaan baru yang lebih moden serta dinamik.

Menurut Han Seong, komponen SPICE mengandungi SPICE Arena (dulunya dikenali sebagai PISA), SPICE Kanopi, pusat akuatik dan sebuah pusat konvensyen baru iaitu SPICE.

"SPICE dijangka siap sepenuhnya pada tahun depan (2016)," ujar beliau.



**REKA bentuk SPICE yang dalam proses pembinaan.**

## Restoran dalam kapal mewah Costa Victoria terima sijil halal




**ANDREA Bardi (tengah) menunjukkan pensijilan Halal Malaysia yang diterima bagi restoran Pizzeria La Tavernette di atas Kapal Persiaran Costa Victoria baru-baru ini.**

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Restoran Pizzeria La Tavernette di atas sebuah kapal berkonsepkan Itali dikenali, Costa Victoria memperoleh pensijilan Halal Malaysia baru-baru ini.

Exco Hal Ehwal Agama, Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna, Dato' Abdul Malik Abul Kassim memberitahu, sebelum ini, kapal mewah, *Star Cruises* turut menerima pensijilan Halal Malaysia pada tahun 2013.

Justeru katanya, pensijilan tersebut menyumbang kepada perkembangan industri pelancongan, khususnya dalam sektor pelayaran.

"Usaha ini adalah selari dengan hasrat Kerajaan Negeri yang ingin menjadikan Pulau Pinang sebagai sebuah destinasi percutian mesra muslim dan sebuah pusat halal global.

"Permintaan terhadap pensijilan halal dalam sektor makanan telah meningkat dengan ketara bukan sahaja melibatkan restoran-restoran makanan di daratan, sebaliknya juga di atas kapal persiaran.

"Malah, ia mampu menarik lebih ramai penumpang muslim tempatan dan antarabangsa di dalam sektor berkaitan (pelayaran)," katanya yang juga Pengerusi Penang International Halal Hub (PIHH) pada Majlis Penganugerahan Pensijilan Halal Malaysia kepada Restoran Pizzeria La Tavernette di atas kapal persiaran Costa Victoria di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dan tetamu kehormat, Menteri Pelancongan dan Kebudayaan, Datuk Seri Nazri Aziz menyempurnakan majlis bersejarah berkenaan.

Hadir sama, Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang, Ng Wei Aik (Ahli Parlimen Tanjung) dan Andrea Bardi (Kapten Costa Victoria).

Dalam pada itu, Nazri dalam ucapannya memberitahu bahawa pensijilan halal yang 'digalakkan' di negeri ini sekaligus bakal menggamit lebih ramai pelancong Islam domestik serta antarabangsa ke tanah air.

"Untuk tujuan itu, Pulau Pinang telah mendahului ke arah pembangunan ini sebagai melengkap dan menambahkan status ia yang bukan hanya terkenal sebagai destinasi pelancongan dalam negara, malah juga di rantau ini," ujar beliau.

## Festival Indonesia erat hubungan dua hala



**DANNY Law Heng Kiang (berbaju batik, kuning biru) mengadakan lawatan ke gerai-gerai makanan trasional yang dipamerkan bersempena penganjuran Festival Indonesia di sini baru-baru ini.**

**ERAT HUBUNGAN DUA HALA..** Penganjuran Festival Indonesia yang berlangsung bertemakan, 'Berkongsi Persamaan, Meraikan Perbezaan' adalah bertujuan mengeratkan hubungan serumpun dua hala antara Indonesia dan Pulau Pinang.

Exco Pembangunan Pelancongan, Danny Law Heng Kiang berkata, menerusi penganjuran tersebut, kedua-dua pihak mampu tukar pendapat dan sektor-sektor berkaitan demi kebaikan bersama.

Jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Batu Lanchang, sektor pelancongan dan pelancongan perubatan merupakan faktor utama kemasukan pelancong Indonesia ke negeri ini.

"Sebaliknya, rakyat Pulau Pinang turut gemar melancong ke Indonesia yang kaya dengan kepelbagaian budaya dan makanan tradisional.

"Malah, melalui perangkaan Malaysian Airport Berhad, kemasukkan pelancong Indonesia mencapai 295,000 orang pada 2014," ucapnya pada majlis berkaitan baru-baru ini.

Majlis tersebut turut diserikan dengan kehadiran, Duta Besar Indonesia ke Malaysia, Herman Prayitno; Timbalan Menteri Pembangunan Pariwisata Mancanegara, Gde Pitana; Konsulat Jeneral Indonesia ke Pulau Pinang, Taufik Rhodi dan Konsulat Jeneral Jepun ke Pulau Pinang Ryoji Noda.

# Taman Kejiranan Karpal Singh abadi nama tokoh disanjung

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AMANDA KHONG XIA LING**

**SERI DELIMA –** Taman Kejiranan Karpal Singh yang terletak di Lorong Delima 11, Island Glades di sini merupakan taman kejiranan pertama di negeri ini yang mengabadikan nama seorang tokoh yang disanjung umum.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, pemilihan nama bekas Ahli Parlimen Bukit Gelugor iaitu mendiang Karpal yang merupakan anak jati tempatan adalah sebagai tanda penghargaan dan hormat atas jasa beliau dalam bidang kehakiman serta politik.

"Walaupun mendiang telah tiada, perjuangan dan semangatnya dalam mempertahankan hak rakyat terus mekar tidak kira di negeri ini mahupun dalam negara," katanya ketika hadir merasmikan pembukaan umum Taman Kejiranan Karpal Singh di sini baru-baru ini.



**(Barisan depan, kanan sekali), JAGDEEP Singh Deo dan R.S.N. Rayer (barisan depan, dua dari kanan) menyempurnakan acara simbolik perasmian Taman Kejiranan Karpal Singh di sini baru-baru ini.**

Anak sulung mendiang Karpal, Jagdeep Singh Deo yang juga Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat turut hadir pada majlis tersebut.

Hadir sama, ADUN Seri Delima, R.S.N. Rayer, Setiausaha Bandaraya, Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Ir. Ang Aing Thye, beberapa Ahli-ahli Majlis MBPP serta ahli-ahli Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Komuniti (JKKK) setempat.

Taman Kejiranan Karpal Singh dilengkapi dengan kemudahan riadah dan rekreasi termasuk laluan pejalan kaki, alatan senaman, lampu solar dan persekitaran yang menghijau.

Dalam pada itu, isteri mendiang, Gurmit Kaur yang juga hadir menyaksikan perasmian taman kejiranan tersebut melahirkan rasa terharu dengan penghargaan yang diberikan oleh Kerajaan Negeri.

"Saya dan keluarga sangat berbesar hati dengan penghormatan yang diberikan. Ia amat bermakna," katanya yang turut hadir bersama anak bongsunya, Mankarpal Singh.

Mendiang Karpal Singh merupakan mantan Ahli Parlimen Bukit Gelugor selama 10 tahun sejak 2004 dan telah banyak berjasa bukan sahaja kepada penduduk di Bukit Gelugor, tetapi rakyat Pulau Pinang dan negara secara keseluruhan.



**SUASANA di Taman Kejiranan Karpal Singh.**

# Penghuni 'degil' bayar caj penyelenggaraan boleh didenda – Exco

**GEORGE TOWN –** Penduduk di bangunan berstrata di negeri ini digesa supaya menjelaskan segera bayaran caj penyelenggaraan bulanan bagi mengelakkan tindakan undang-undang diambil.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, tindakan penguatkuasaan tersebut adalah mengikut Seksyen 78 dan Seksyen 79 di bawah Akta Pengurusan Strata 2013 (Akta 757).

"Sekiranya penghuni atau pemunya unit didapati bersalah mengikut seksyen-seksyen berkaitan, Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) boleh membuat permohonan bersumpah untuk mengeluarkan waran penahanan harta.

"Pemunya unit juga boleh didenda sehingga RM5,000 atau dipenjarakan selama tiga tahun atau kedua-duanya sekali di samping caj penalti sebanyak RM50 sehari sekiranya mereka masih gagal membayar bayaran caj penyelenggaraan," ucapnya pada Majlis Perasmian Bengkel Pengurusan Strata di sini baru-baru ini.

Menurut Jagdeep, pelaksanaan akta berkaitan bukan untuk menakut-nakutkan orang ramai, sebaliknya ia dapat menyelesaikan banyak masalah terutama dari segi penguatkuasaan pengurusan komuniti strata dan penyelenggaran bangunan berstrata.

"Akta Pengurusan Strata 2013 ini digubal untuk memastikan keseragaman undang-undang serta dasar berkenaan pihak kerajaan tempatan berhubung pengurusan bangunan berstrata dan harta bersama.

"Sehingga kini, melalui maklum balas daripada JMB dan MC pihak-pihak berkaitan hanya menerima 60 hingga 70 peratus sahaja caj penyelenggaraan daripada penghuni (tiada yang 100 peratus). Situasi tersebut adalah amat serius kerana ia menyebabkan kerugian pada pihak Kerajaan Negeri sekiranya ia berlanjutan," jelas beliau.

Jagdeep dalam pada itu turut memberikan butiran terperinci mengenai perbelanjaan ditanggung Kerajaan Negeri yang berjumlah RM21.1 juta bagi tujuan penyelenggaraan antara tahun 2010 hingga September 2015.

# Tawaran tender RTB Sg. Teluk Kumbar bakal dibuka awal 2016

**GEORGE TOWN –** Tawaran tender bagi Projek Rancangan Tebatan Banjir (RTB) di Sungai Teluk Kumbar, Bayan Lepas bernilai RM3 juta dijangka akan dibuka awal tahun hadapan.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, perunding bagi projek berkenaan telah dilantik untuk mereka bentuk sistem berkenaan termasuk menaiktaraf rumah pam di sana.

Beliau berkata, kekerapan banjir di kawasan tersebut adalah disebabkan keadaan rumah-rumah di lokasi berkaitan yang lebih rendah dari permukaan sungai serta keperluan sistem pam yang lebih efisien bagi membolehkan proses mengepam air menjadi lebih sistematik.

"Ia adalah kawasan di mana kita tahu dan sedar bahawa ia adalah masalah yang dihadapi penduduk, justeru, kita akan segera mengatasi masalah banjir yang dihadapi supaya ia tidak berulang lagi," katanya pada sidang media selepas pelancaran Kempen 'Pedestrian is King' di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Datuk Bandar Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Dato' Patahiyah Ismail; Ahli-ahli Majlis MBPP serta Ketua-ketua Jabatan MBPP.

Pada 24 November lalu, sebanyak 11 rumah di Teluk Kumbar terpaksa dipindahkan ke Dewan Teluk Kumbar ekoran peningkatan paras air akibat hujan lebat yang melanda seluruh Pulau Pinang.

Informasi yang diperoleh dalam media sosial menunjukkan bahawa banjir kilat turut melanda sebahagian besar kawasan di Bayan Lepas, Sungai Ara, Relau dan Balik Pulau setelah hujan lebat selama 90 minit bermula sekitar pukul 7.30 malam.

# KN komited bela tenaga kerja demi produktiviti P. Pinang

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**GEORGE TOWN** – Kerajaan Negeri baru-baru ini menzahirkan komitmen dalam memastikan keperluan tenaga kerja di Pulau Pinang dibela sewajarnya.

Perkara itu disuarakan Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy ketika hadir memberi ucaptama pada Forum Akta dan Undang-undang Pekerjaan Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.

Jelasnya, Kerajaan Negeri sentiasa berusaha memastikan tenaga kerja kekal sihat, bertenaga dan dilindungi demi meningkatkan produktiviti di negeri ini.

"Bukan sahaja Kerajaan Negeri, pemain industri juga perlu mengiktiraf hak-hak pekerja masing-masing dalam membentuk perpaduan dan kesatuan sekaligus membantu meningkatkan produktiviti.

"Malah, kami (Kerajaan Negeri) turut memberi galakan kepada syarikat-syarikat multinasional (MNC) di Pulau Pinang khususnya untuk menubuhkan kesatuan sekerja supaya penetapan standard dalam kalangan ahli kesatuan dapat dilaksanakan," katanya di sini.

Pengurus Besar investPenang, Loo Lee Lian; Setiausaha Kongres Kesatuan Sekerja Malaysia, MTUC (Cawangan Pulau Pinang), K. Veeriah; mantan Pengarah Jabatan Tenaga Kerja (JTK) Pulau Pinang, Hoe Lean Fatt dan Pengerusi Badan Perhubungan Sumber Manusia Pulau Pinang, Datuk Ajit Singh hadir sebagai penceramah dalam forum selama sehari itu.

Seramai 192 peserta turut serta dalam forum yang memasuki edisi keempat sejak penganjurannya.

Selain menjadi platform bagi pemain industri bertukar-tukar idea dan jaringan kerjasama, forum yang turut disertai pemain industri dari Kuala Lumpur, Kedah, Perlis dan Perak tersebut juga merupakan medan mewujudkan budaya kerja yang produktif dan kompetatif.

Menurut Ramasamy yang juga Exco Perancangan Ekonomi Negeri, Pendidikan & Sumber Manusia, Sains, Teknologi dan Inovasi, pembangunan sumber manusia dan tenaga kerja mahir turut menjadi perhatian Kerajaan Negeri.

"Pulau Pinang kini bukan sahaja mempunyai peluang pekerjaan yang luas, tetapi juga kekurangan tenaga kerja mahir tempatan dan berkelayakan kerana kebanyakan mereka 'berhijrah' atau 'selalunya hilang' dan bekerja di luar Malaysia.

"Data dari MIDA (Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia) menunjukkan sejumlah 17,896 peluang pekerjaan baru dijana pada tahun lalu (2014), dan sejumlah 13,199 (peluang pekerjaan) lagi menjelang separuh tahun pertama tahun ini di Pulau Pinang," jelas beliau.

Tambah Ramasamy yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Perai, Pulau Pinang cukup bersedia untuk menyerap lebihan pekerja melalui latihan penggabungan serta pengambilan *(the merger and acquisition exercises)* yang dilaksanakan oleh syarikat-syarikat elektronik dan semikonduktor di sini.

"Pulau Pinang merekodkan sejumlah 1.2 peratus kadar pengangguran iaitu yang terendah dalam sejarah Malaysia. Malah, ketika krisis ekonomi dunia antara tahun 2007 - 2009, kadar pengangguran masih rendah iaitu sekitar 4.0 peratus sahaja.

"Situasi ini sekaligus membuktikan bahawa pasaran tenaga kerja di Pulau Pinang masih lagi kompetatif dan kekal berdaya saing," ujarnya.

Forum Akta Undang-undang Pekerjaan Pulau Pinang 2015 dianjurkan oleh MMK Perancangan Ekonomi Negeri dan Sumber Manusia di bawah Ramasamy dengan kerjasama dari Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) dan Badan Perhubungan Sumber Manusia Pulau Pinang.




**PROF. Dr. P. Ramasamy (kiri sekali) ketika berucap pada Forum Akta dan Undang-undang Pekerjaan Pulau Pinang 2015 di sini baru-baru ini.**



**SEBAHAGIAN peserta yang mengambil bahagian.**

# PSUKPP kukuh budaya kerja cemerlang

**GEORGE TOWN** – Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Pulau Pinang (PSUKPP) baru-baru ini melancarkan buku Pelan Strategik dan Pelan Strategik Teknologi Informasi dan Komunikasi, ICT (ISP) perkhidmatan awam negeri sebagai rancangan bagi tempoh lima tahun bermula Januari 2016 sehingga Disember 2020.

Pelancaran tersebut disempurnakan Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dalam satu majlis bertemakan *'Way Forward 2016'* di sini.

Farizan dalam ucapannya menyatakan bahawa pelan strategik yang dirangka itu bertujuan mengukuhkan budaya kerja cemerlang dan fleksibel dalam usaha menghasilkan *output* berprestasi tinggi serta mutu penyampaian yang memenuhi kehendak semua.

"Pelan Strategik PSUKPP ini merupakan manifestasi hala tuju, komitmen serta mekanisme dalam merealisasikan hasrat Kerajaan Negeri ke arah negeri bertaraf antarabangsa.

"Semua bahagian dalam PSUKPP hendaklah menterjemahkan kandungan dalam pelan strategik ini sebagai Sasaran Kerja Tahunan (SKT) bahagian masing-masing agar seluruh warga PSUKPP sehaluan bagi mencapai visi dan misi dalam memacu kegemilangan organisasi," katanya pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pembangunan), Datuk Abu Jamal Nordin, Timbalan Setiausaha Kerajaan Negeri (Pengurusan), Ghazali Derahman, Ketua-ketua Jabatan serta kakitangan awam pelbagai gred dalam perkhidmatan awam negeri.

Mengulas lanjut, Farizan memberitahu, kekukuhan dan kecemerlangan sesebuah organisasi sangat bergantung terhadap keupayaan anggotanya menterjemahkan aspirasi masing-masing secara kolektif dengan berpandukan Pelan Strategik berkenaan.

"Saya amat berharap melalui kedua-dua pelan strategik yang dilancarkan ini dapat menghasilkan anggota perkhidmatan awam negeri yang memiliki tahap profesionalisme bertaraf antarabangsa dan versatil," ujar beliau.



**FARIZAN Darus (tengah) sambil ditemani Ghazali Derahman (kiri sekali) menyampaikan plak penghargaan kepada Abu Jamal Nordin (kanan sekali) selaku Pengarah Unit Perancangan Ekonomi Negeri pada Majlis Pelancaran Pelan Strategik dan Pelan Strategik Teknologi Informasi dan Komunikasi perkhidmatan awam negeri di sini baru-baru ini.**

# KM rakam tahniah Syed Thajudeen, artis ke-9 terima PSAG

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **SHUM JIAN-WEI**

**GEORGE TOWN –** Pelukis terkenal, Syed Thajudeen Shaik Abu Talib mengadakan Pameran Retrospektif di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng dalam ucapannya merakamkan penghargaan kepada pelukis kelahiran Pulau Pinang itu kerana dipilih sebagai artis Malaysia ke-sembilan diberi anugerah berprestij Galeri Seni Pulau Pinang (PSAG).

"Pameran retrospektif disertai monograf yang baik kepada artis ini adalah pengiktirafan tertinggi Kerajaan Negeri Pulau Pinang untuk pencapaian seorang artis Malaysia yang cemerlang," katanya yang juga Exco Hal Ehwal Tanah & Pembangunan Tanah, Penerangan, Kebudayaan & Kesenian, Warisan dan Hal Ehwal Bukan Islam pada majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Difahamkan, Thajudeen dilahirkan di "*Little India*" di tengah-tengah George Town Tapak Warisan Dunia UNESCO.

Beliau begitu banyak melakukan pameran berkumpulan di tanah air ini, sebelum ini.

Dalam sembilan kali pameran solo yang pernah dilakukannya, Thajudeen merupakan individu pertama membuat pameran solo di Muzium Seni dan Galeri Pulau Pinang pada tahun 1975.

Kini, Thajudeen adalah penerima ke-sembilan anugerah PSAG pada tahun ini, selepas, Cheung Poooi Yip (2014), Tan Chiang Kiong (2013), Chong Hon Fatt (2012), Eric Quah (2011), Ismail Hashim (2010), Datuk Tay Mo Leong (2009), Lee Joo For (2008) dan Khoo Sui Hoe (2007).

Guan Eng dalam ucapannya turut memberitahu bahawa Kerajaan Negeri menyokong usaha PSAG untuk mengenali artis Malaysia melalui pameran retrospektif serta mengumpul hasil kerja-kerja mereka, supaya Himpunan Tetap yang berkualiti dapat diwujudkan secara beransur-ansur di Pulau Pinang.




**KETUA Menteri sambil diperhatikan Syed Thajudeen Shaik Abu Talib (dua dari kanan) dan Haryany Mohamad (kanan sekali) menandatangani plak perasmian pameran retrospektif tokoh berkenaan di sini baru-baru ini.**

"Kerajaan Negeri Pulau Pinang setakat ini menyediakan geran sebanyak RM500,000 untuk tujuan ini.

"Saya berharap untuk melihat pengambilalihan baru Himpunan Tetap PSAG dalam pameran yang dirancang pada 2016," ujarnya yang juga Ahli Parlimen Bagan merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Air Putih.

Dalam perkembangan sama, Guan Eng turut merakamkan penghargaan kepada Rokiah Ismail kerana kurator undangan Pameran Retrospektif Syed Thajudeen berkenaan begitu rajin dan dedikasi dalam menghasilkan pameran yang luar biasa serta mengedit monograf 320 halaman tersebut.

Selain Rokiah, Pengerusi Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Datuk Tang Hon Yin dan Pengarah Muzium & Balai Seni Lukis Pulau Pinang, Haryany Mohamad turut hadir pada majlis tersebut.





**ANTARA hasil seni Syed Thajudeen Shaik Abu Talib yang dipamerkan.**

# LRA Sg. Dua diiktiraf, terima anugerah prestij AFEO

Gambar : **PBAPP**

**GEORGE TOWN –** Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang Sdn. Bhd. (PBAPP) sekali lagi diiktiraf sebagai penerima anugerah berprestij dari Pertubuhan Persekutuan Kejuruteraan Asean (AFEO) pada Persidangan AFEO (CAFEO) Ke-33 di sini baru-baru ini.

Ketua Pegawai Eksekutif PBAPP, Dato' Ir. Jaseni Maidinsa berkata, PBAPP dipilih berikutan pencapaiannya dalam bidang kejuruteraan perbekalan air di Loji Rawatan Air Sungai Dua (LRA Sungai Dua), Seberang Perai Utara (SPU).

Katanya, LRA Sungai Dua telah menyokong pembangunan sosio-ekonomi negeri selama 41 tahun melalui kejuruteraan rawatan air yang memaksimumkan kapasiti sehingga sembilan kali ganda sejak pembinaannya pada awal 1970-an.

"Dahulu (sekitar tahun 1973) LRA Sungai Dua hanya terdapat sebuah modul rawatan air di sini. Tetapi, kini kita mempunyai lima modul rawatan operasi di kilang.

"Manakala, modul keenam bakal diperluaskan dari 136 juta liter sehari (JL/H) ke 1228 JL/H menjelang awal tahun 2016 nanti," ujarnya melalui satu kenyataan akhbar di sini baru-baru ini.

Mengulas lanjut, Jaseni memberitahu bahawa PBAPP juga telah meningkatkan kecekapan rawatan perbekalan air sebanyak 530 peratus dengan memperkenalkan keluli tahan karat 'kepingan' menggunakan teknologi plat.

"Teknologi ini dapat melanjutkan kitaran penyelenggaraan tangki pemendapan hingga enam bulan berbanding setiap bulan pada tahun-tahun sebelum ini sekaligus meningkatkan kecekapan pada masa hadapan," jelas beliau.

Tambahnya, purata pengambilan harian air terawat di Pulau Pinang setiap hari telah meningkat sebanyak 569.62 peratus daripada 142.80 JL/H (1973) kepada 813.42 JL/H (2014).

"Lebih dari 80 peratus air terawat di Pulau Pinang berasal dari loji ini, malah, ia juga telah membantu Pulau Pinang dicatatkan sebagai salah satu daripada margin rizab air terawat paling tinggi di negara ini," ujar beliau.




**IR. Jaseni Maidinsa (lima dari kiri) bergambar kenangan bersama-sama kepimpinan PBAPP menunjukkan dua anugerah yang diterima sempena penganjuran CAFEO Ke-33 di sini baru-baru ini.**

Pada majlis yang sama, Jaseni turut menerima Anugerah Kehormat AFEO atas sumbangan beliau selama 30 tahun bersama PBA (Perbadanan Bekalan Air), PBAPP dan PBAHB (PBA Holdings Berhad).




# Kategori pemilihan rumah diperluas kepada penjawat awam negeri

Oleh: **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Kerajaan Negeri melalui Jawatankuasa Pembersihan Proses Perolehan Perumahan (SPEC) baru-baru ini mengumumkan kategori baharu pemilihan rumah mampu milik yang diperluaskan kepada penjawat awam negeri ini.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berkata, kategori baharu tersebut akan memanfaatkan 4,178 penjawat awam negeri untuk memiliki rumah pertama mereka.

"Kebajikan penjawat awam negeri termasuk memiliki rumah kediaman sendiri merupakan sebahagian kepentingan kita (Kerajaan Negeri).

"Pemilihan rumah mampu milik melalui kategori baharu ini turut merangkumi mereka yang kurang upaya (OKU), ibu atau bapa tunggal, warga emas, kumpulan bakat dan mereka yang terjejas akibat projek menaiktaraf jalan atau mitigasi serta yang terlibat dengan perintah pindah," katanya pada sidang media di sini baru-baru ini.

No Akaun : 7333<br>Peminjam : NORLIZA BINTI MOHD NOOR - 78052004****<br>6-19-6 SRI KRISTAL , LENGKOK ANGSANA<br>11500 BANDAR BARU AIR ITAM,<br>PULAU PINANG<br>Penjamin 1 : MOHD NOOR BIN BAKAR - (MENINGGAL DUNIA)<br>NO. 258-B JALAN LUNAS, KELANG LAMA,<br>KULIM, 09000 KEDAH<br>Penjamin 2 : ZAITON BT ABD RASHID - 58022607****<br>PEJABAT DAERAH DAN TANAH,<br>DAERAH BARAT DAYA, BALIK PULAU<br>11000 PULAU PINANG

No Akaun : 7388<br>Peminjam : MOHAMAD ZANIZAM BIN ROZALI - 78011307****<br>1164 MK 20, MENGKUANG MAK SULUNG,<br>KUBANG SEMANG 14000 BUKIT MERTAJAM<br>Penjamin 1 : HAJI YAHYA BIN HUSSAIN - (MENINGGAL DUNIA)<br>LOT 11792 JALAN BANJAR,<br>36000 TELUK INTAN , PERAK<br>Penjamin 2 : HALIMATUS SA ADIYAH BT YAHYA - 69052508****<br>LOT 11792 JALAN BANGSAR,<br>36000 TELUK INTAN , PERAK

No Akaun : 7389<br>Peminjam : SAIFUL HISZAM BIN HAZALI - 78040107****<br>912 JLN SG RANTIN HILIR 1,<br>KG EXPO TAMBAHAN<br>34600 KAMUNTING, PERAK<br>Penjamin 1 : KINTAN BT IBRAHIM - 64092908****<br>8-G-12 TAMAN MESRA,<br>13400 BAGAN LALLANG, BUTTERWORTH<br>Penjamin 2 : MOHAMED ISZHAR BIN SAAD - 61102807****<br>8-G-12 JALAN MESRA SATU,<br>TAMAN MESRA 13400 BUTTERWORTH

No Akaun : 7414<br>Peminjam : ROMIZAN BIN BAHAROM - 76122407****<br>4 JALAN SELASIH U12/26A, TAMAN CAHAYA<br>ALAM, SEKSYEN U12,<br>40170 SHAH ALAM, SELANGOR<br>Penjamin 1 : HAMIZAH BT SUDIN - 55022407****<br>511 MK A, SUNGAI PINANG,<br>11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG<br>Penjamin 2 : AHMAD KAMAL BIN WAN - 61061907****<br>525 MK A, SUNGAI PINANG,<br>11010 BALIK PULAU, PULAU PINANG

No Akaun : 7053<br>Peminjam : R.G.ELANGOVAN A/L GOPAL KRISHNAN - 74051107****<br>24 JALAN ANGGERIK VANILLA 31/100C, KOTA KEMUNING, SEKSYEN 31,<br>40464 SHAH ALAM, SELANGOR<br>Penjamin 1 : R G KARMUKILAN A/L GOPAL KRISHNAN - A2335***<br>D-7-1 AVENUE COURT, TAMAN SERI SENTOSA OFF JALAN KLANG LAMA<br>58200 KUALA LUMPUR<br>Penjamin 2 : PARTHIBAN A/L JANARTHANAN - A2236***<br>NO. 1 JALAN 2/21B, TAMAN SETAPAK, 53000 KUALA LUMPUR

No Akaun : 7136<br>Peminjam : ROSMAIDY BIN MOHAMED RAMLY - 77022608****<br>1-9-16 BLOK MERBAU, DESAMINIUM RIMBA, JALAN TASIK 1, TAMAN DESAMINIUM,<br>43300 SERI KEMBANGAN, SELANGOR<br>Penjamin 1 : ROSMAIZA BT MOHAMED RAMLY - 75111608****<br>NO. 39 JALAN ST 1, SAMUDRA TERES, BATU CAVES 68100 SELANGOR<br>Penjamin 2 : ABDUL SHUKOR BIN BAKAR - 71060808****<br>NO. 3 LORONG BUNGA KANTAN 3, TAMAN KRIAN TAMBAHAN 5,<br>34200 PARIT BUNTAR, PERAK

# CAFEO sedia platform perkongsian kejuruteraan

Oleh : **AINUL WARDAH SOHILLI**
Gambar : **LAW SUUN TING**

**BAYAN LEPAS** – Selama 33 tahun, persidangan berprestij Pertubuhan Persekutuan Kejuruteraan ASEAN atau *Conference of the Asean Federation of Engineering Organisations*, CAFEO menjadi platform holistik perkongsian kepakaran, pandangan dan pengalaman dalam kalangan jurutera.

Malah, usaha untuk mewujudkan persekitaran yang kondusif bagi mobiliti komuniti kejuruteraan turut merentasi sempadan yang mana ia dijangka membawa manfaat secara langsung kepada negara-negara anggota dalam rantau Asia Tenggara.

Menurut Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng, bidang kejuruteraan merupakan pemacu utama bagi sebahagian besar ekonomi di Pulau Pinang, terutama dalam sektor pembuatan dan perkhidmatan.

Beliau berkata, negara-negara maju seperti Jepun dan Amerika Syarikat telah membuktikan bahawa rekod prestasi bidang kejuruteraan yang baik menyumbang secara langsung kepada pembangunan serta kelestarian negara.

"Lebih 95 peratus Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) Pulau Pinang adalah dari sektor pembuatan serta perkhidmatan, sehinggakan kita (negeri) dilabelkan sebagai *'Silicon Valley of Malaysia'*.

"Pendekatan tersebut pastinya sesuatu yang membanggakan kerana ia secara langsung membuktikan bahawa kejuruteraan merupakan bidang yang mampu menjadi penanda aras piawaian pembangunan sesebuah negeri," ucapnya pada CAFEO ke-33 di sini baru-baru ini.

Turut hadir, Pengerusi Pertubuhan Persekutuan Kejuruteraan ASEAN (AFEO), Datuk Lim Chow Hock dan delegasi-delegasi AFEO daripada 10 negara Asean.

Menurut Guan Eng, setiap negara dalam komuniti ASEAN mempunyai kekuatan dan sumber tersendiri, apabila digabungkan, ia akan mewujudkan sinergi pengukuhan sosio-ekonomi yang lebih tinggi.

"Kerajaan Negeri yakin bahawa pengukuhan bidang kejuruteraan mampu mentransformasikan Pulau Pinang ke arah sebuah negeri bertaraf antarabangsa dan pintar sekaligus membuktikan komitmen kita (Kerajaan Negeri) untuk terus berinovasi dalam menempuh cabaran masa hadapan," ujar beliau.

Dalam pada itu, Chow Hock memberitahu bahawa persidangan tahunan tersebut bukan sahaja mencetuskan impak positif terhadap perkembangan teknologi dan kejuruteraan, tetapi juga menjadi penyumbang kepada pertumbuhan serta pembangunan rantau Asean.

"Kita (AFEO) akan memastikan persidangan tahunan ini dapat diteruskan pada masa-masa hadapan memandangkan negara kini sedang menuju ke arah negara maju," jelasnya.

Bertemakan *'From Lights to Bytes: Asean Engineering Evolution and Future Challenges'*, majlis perasmian persidangan disempurnakan oleh Yang di-Pertua Negeri (TYT), Tun Dr. Abdul Rahman Abbas.



**BENDERA-bendera negara delegasi dipamerkan pada penganjuran CAFEO Ke-33 di sini baru-baru ini.**

# PDC berpindah ke Mayang Mall selepas BPO Perdana siap - KM

**BAYAN LEPAS** – Pulau Pinang ke arah menjadi sebuah negeri keusahawanan, dengan pemajuan Mayang Mall yang dijangka siap pada Julai tahun depan sebagai satu lagi simbol kejayaan Kerajaan Negeri.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng memberitahu, operasi agensi negeri Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC) akan berpindah ke kompleks itu, apabila projek pemajuan perdana Penyumberan Luaran Proses Perniagaan (BPO) siap pada bulan Julai tahun depan.

"Dalam usaha untuk mewujudkan semua ini, Kerajaan Negeri perlu membuat pelaburan dalam infrastruktur, pendidikan dan industri kreatif dan inovatif.

"Saya ingin memberitahu anda bahawa selepas BPO Perdana disediakan, PDC akan dipindahkan di bangunan sendiri.

"Ini, untuk menjadikan Pulau Pinang sebagai salah satu hab penyumberan luar global pada masa akan datang," katanya pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali PDC di sini baru-baru ini.

Justeru, Guan Eng berharap, projek BPO Perdana tersebut mampu memberi manfaat kepada perkembangan industri kreatif serta inovatif di negeri ini, yang merangkumi sektor perniagaan, kerjaya, masyarakat dan perkhidmatan awam.

Timbalan Ketua Menteri II, Prof. Dr. P. Ramasamy dan Pengurus Besar PDC, Datuk Rosli Jaafar turut berucap pada majlis berkaitan.

Hadir sama, Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo.

Pada Ogos lalu, PDC baru memeterai satu perjanjian dengan dua pihak dari Singapura bagi pembangunan projek perdana BPO, dengan RM1.3 bilion nilai pembangunan kasar (GDV).

Projek usaha sama PDC dengan Temasek serta *Economic Development Innovations Singapore Pte. Ltd.* (EDIS) tersebut adalah di atas sebidang tanah milik PDC berkeluasan 6.8 ekar di Bayan Baru.

Guan Eng memberitahu, usahasama itu membolehkan PDC memegang 51 peratus syer, dan selebihnya dipegang oleh para pelabur lain.

Tambahnya, projek perdana BPO itu turut akan mewakili hab perniagaan utama *Multimedia Super-Corridor* (MSC) Malaysia di Bandar Siber 1 Pulau Pinang, yang meliputi tanah kira-kirta 1.6 juta kaki persegi.

Jelas beliau, rancangan pemajuan projek tersebut dilaksanakan dalam tempoh tahun 2016 hingga 2019.



**KETUA Menteri sambil ditemani barisan kepimpinan Kerajaan Negeri dan Rosli Jaafar (barisan belakang, dua dari kiri) menunjukkan replika cek sumbangan kepada rumah-rumah kebajikan terpilih menerusi program tanggungjawab sosial korporat (CSR) PDC pada Majlis Rumah Terbuka Deepavali PDC di sini baru-baru ini.**


**BAHAGIAN PERUMAHAN, PEJABAT SETIAUSAHA KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG.**
**SENARAI LOT-LOT BUMIPUTERA UNTUK DIJUAL**

| BIL | NAMA PEMAJU | LOKASI | NAMA PROJEK | JENIS PEMAJUAN | HARGA SEUNIT | HARGA SELEPAS POTONGAN 5% | BAKI UNIT KUOTA BUMIPUTERA | PEGAWAI PERHUBUNGAN |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| 1. | **Perniagaan Shunheng Sdn. Bhd.**<br>No. 4407, Jalan Ong Yi How<br>13400 Butterworth<br>Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 3103223/3222<br>No. Fax : 04 3103221 | Di Atas Lot 4036, Mukim 9<br>Daerah Seberang Perai Utara<br>Pulau Pinang. | Taman Selayang Permai | Rumah Teres<br>2 Tingkat | RM554,500.00 -<br>RM718,070.00 | RM526,775.00 -<br>RM682,166.50 | 6 | Dato' Ooi Bee Huat |
| 2. | **Align Harmony Sdn. Bhd.**<br>1-8A, Eden Parade 1<br>Jalan Sungai Emas<br>Batu Ferringhi<br>1110 Pulau Pinang<br>No. Tel : 04 8811213<br>No. Fax : 04 8851393 | Di Atas Lot-Lot 837, 904, 838, 905, 906, 907, 938, 939, 940, 941, 960, 962, 963 Dan 987, Bandar Batu Ferringhi, DTL<br>Jalan Sungai Emas<br>Pulau Pinang. | Ferringhi Pearl | Rumah Berkembar<br>3 Tingkat<br><br>Rumah Sesebuah<br>3 Tingkat | RM1,573,500.00 -<br>RM1,620,900.00<br><br>RM2,600,000.00 | RM1,494,825.00 -<br>RM1,539,855.00<br><br>RM2,470,000.00 | 2<br><br>1 | - |
| 3. | **United  Allied Construction Sdn. Bhd.**<br>Ground Floor, No. 43<br>Jalan Machang Bubok 2<br>Taman Machang Bubok<br>14000 Bukit Mertajam<br>No. Tel : 04 5525518<br>No. Fax : 04 5525318 | Di Atas Lot 6224 & 2741, Mukim 14<br>Lintang Kota Permai 23<br>Seberang Perai Tengah<br>Pulau Pinang. | Taman Kota Permai/ Permai 7 | Rumah Teres<br>3 Tingkat | RM599,000.00 | RM569,050.00 | 2 | Yeoh  Chia Kern |
| 4. | **Nuwata Sdn Bhd**<br>25-B Lebuh Farquhar<br>10200 Pulau Pinang<br>No. Tel  :  04-2637888<br>No. Fax :  04-2616985 | Di Atas Lot 7593, Mukim 13,<br>Jalan Bukit Gambir<br>Daerah Timur Laut<br>Pulau Pinang. | Raffel Tower | Kondominium | RM199,800.00 -<br>RM298,800.00 | RM189,810.00 -<br>RM283,860.00 | 42 | Mr. Teh Khok Eng /<br>Ms. Jois Ho Gaik Fhei |

# ‘Mesin kompos sisa’ Pasar Awam Pulau Tikus, pertama dalam negara

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**



SEORANG kakitangan MBPP menjalankan pemprosesan sisa makanan terkumpul menggunakan mesin pengkomposan semulajadi di Pasar Awam Pulau Tikus.




CHOW Kon Yeow (dua dari kiri) bersama-sama jawatankuasa bertanggungjawab menunjukkan replika pengiktirafan Anugerah Tempat Pertama Pelaksanaan Inisiatif Pembangunan Kejiranan Hijau 2015 (Program Pengkomposan Sisa) pada Majlis Lawatan Tapak Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar Awam Pulau Tikus di sini baru-baru ini.

**PULAU TIKUS –** Sisa makanan yang dihasilkan di Pasar Awam Pulau Tikus kini boleh dikompos menjadi baja cecair secara semulajadi tanpa bahan kimia, menggunakan kaedah *Bio Technology Incorporating MBT (microbial balancing technology)*.

Exco Kerajaan Tempatan, Pengurusan Lalulintas dan Tebatan Banjir, Chow Kon Yeow berkata, projek perintis dilakukan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) itu mungkin yang pertama di tanahair ini.

“Kaedah ini menerima semua jenis sisa makanan kecuali tulang bersaiz besar, ianya lebih bersih, jimat, selesa dan tiada masalah kacau ganggu haiwan perosak serta (masalah) bau kepada persekitaran.

“Dengan unit mesin yang bersaiz kecil, penggunaan ruang dan kemudahan utiliti turut dapat diminimakan,” katanya pada Majlis Lawatan Tapak Pengkomposan Sisa Makanan di Pasar Awam Pulau Tikus di sini baru-baru ini.

Pengarah Perkhidmatan Perbandaran MBPP, Mubarak Junus turut sertai majlis itu.

Difahamkan, mesin kompos tersebut menggunakan teknologi mesra alam serta tiada bahan akhir gas kimia (metana atau $CO_2$).

Mengulas lanjut, Kon Yeow memberitahu, MBPP memperuntukkan RM30,000 untuk tujuan membeli mesin kompos, memasang tangki dan menyediakan perkhidmatan mengumpul sisa makanan berwajib.

“Mengikut kajian, statistik menunjukkan bahawa sebanyak 500 tan sisa makanan dijana setiap hari oleh penduduk Pulau Pinang yang mana 33 peratus daripadanya merupakan bahan berkaitan (sisa makanan).

“Melalui program ini, sisa makanan yang dijana oleh populasi penduduk di kawasan pentadbiran Majlis dapat dikurangkan melalui amalan 5R (*Reduce, Reuse, Recycle, Rethink* dan *Reinvent*), pendekatan tersebut seterusnya dapat mencapai objektif dalam memastikan matlamat pengurangan sisa tercapai,” jelasnya yang juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Kota.

Dalam perkembangan sama, Kon Yeow menyatakan bahawa MBPP sejak tahun 2011 telah menjalankan program pengurangan sisa makanan secara proaktif, melalui pengkomposan sisa makanan menjadi baja.

Program itu, kata beliau, masih belum menggunakan mesin berteknologi terkini, seperti di Pasar Awam Pulau Tikus.

“Sejak pelaksanaannya, sebanyak tujuh pasar, lima sekolah dan dua Projek Perumahan Rakyat (PPR) telah dilengkapi dengan mesin kompos ini,” ujar Kon Yeow.

# MPSP harap kontrak komuniti tingkatkan kebersihan & landskap setempat

**SEBERANG JAYA –** Majlis Perbandaran Seberang Perai (MPSP) berharap dengan adanya kontrak komuniti program pembersihan yang diserahkan kepada persatuan penduduk di bawah Projek Perumahan Rakyat (PPR) Ampangan ia dapat meningkatkan kualiti pembersihan dan landskap setempat ke tahap yang lebih baik.

Yang di-Pertua MPSP, Dato’ Maimunah Mohd. Sharif berkata, kontrak komuniti yang baru diperkenalkan tersebut memberi banyak kelebihan kepada penyewa di PPR Ampangan memandangkan keanggotaan pekerja pembersihan dipilih dalam kalangan penyewa sendiri.

“Secara tidak langsung, konsep kontrak komuniti ini juga dapat menjana pendapatan kepada penyewa-penyewa di PPR Ampangan selain menggalakkan suasana persekitaran yang bersih, indah dan selesa,” katanya ketika berucap pada Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan, Penubuhan Pejabat Persatuan Penduduk PPR Ampangan dan Pusat Sumber PPR Ampangan di Dewan Orang Ramai Ampang Jajar di sini baru-baru ini.

Hadir sama, mantan Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Aloyah A. Bakar; Pengerusi Persatuan Penduduk PPR Ampangan, Mohd. Asri Othman serta penduduk setempat.

Maimunah memberitahu, sebelum ini, kontrak pembersihan dan kerja-kerja penyelenggaraan di PPR Ampangan diserahkan kepada kontraktor yang dilantik melalui tender terbuka.

Namun, jelasnya, pada tahun 2014, PWDC telah mencadangkan supaya kerja-kerja pembersihan berkaitan diserahkan kepada persatuan penduduk.

“Setelah dikaji di peringkat MPSP dengan menjadikan kontrak pembersihan di PPR Jalan Sungai Pinang sebagai panduan, bermula 1 Januari lalu, pemberian kontrak komuniti program pembersihan ini direalisasikan di sini,” ujar beliau.

Mengulas lanjut, Maimunah memberitahu bahawa antara kelebihan pelaksanaan kontrak komuniti pembersihan tersebut adalah termasuk menjadikan komuniti setempat sebagai agen perubahan kepada pembangunan negeri iaitu ‘orang tengah’ antara penduduk dan Kerajaan Tempatan, di samping melatih ahli-ahli persatuan penduduk menjadi pemimpin dalam menguruskan sesebuah organisasi.

Kontrak komuniti program pembersihan di PPR Ampangan adalah untuk tempoh dua tahun iaitu bermula pada 1 Januari 2015 hingga 31 Disember 2016.






MAIMUNAH Mohd. Sharif (barisan depan, empat dari kanan), Aloyah A.Bakar (barisan depan, tiga dari kanan) dan Mohd. Asri Othman (barisan depan, lima dari kanan) bergambar bersama-sama penduduk pada Majlis Pelancaran Kontrak Komuniti Program Pembersihan, Penubuhan Pejabat Persatuan Penduduk di Dewan Orang Ramai PPR Ampangan di sini baru-baru ini.

# Banteras VAW demi keharmonian masyarakat

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN –** Keganasan terhadap wanita atau *violence against women* (VAW) bukanlah isu remeh atau perkara peribadi, sebaliknya, ia adalah masalah bersama ekoran impaknya bukan sahaja terhadap individu, tetapi kepada keseluruhan masyarakat.

Menurut Ahli Lembaga Pengarah Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC), Ahmad Munawir Abdul Aziz, kempen membanteras VAW merupakan suatu tekad Kerajaan Negeri dalam menangani masalah berkaitan.

Jelas beliau, sekiranya VAW tidak dibanteras, dibimbangi ia akan mengugat dan menjejaskan keharmonian institusi keluarga sekaligus menjejaskan keharmonian masyarakat.

"Justeru, kita tidak boleh bertolak ansur dengan keganasan, rakyat Pulau Pinang seharusnya bersolidariti dengan mangsa keganasan dan berusaha bersama-sama dengan mereka (mangsa) untuk mendapatkan keadilan.

"Ini kerana, tanpa bantuan yang cukup dan wajar, ia akan memberi impak yang mendalam kepada mangsa seumur hidup," katanya pada penganjuran Forum Akta Keganasan Rumah Tangga: Isu, Hak dan Realiti sempena kempen '*Penang Goes Orange'* di sini baru-baru ini.



**AHMAD Munawir Abdul Aziz.**

Turut hadir sebagai panel jemputan khas, wakil Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pulau Pinang, Datuk Razali Che Ani; wakil dari Polis Diraja Malaysia (PDRM), Asisten Supritendan (ASP) Rizatulmi Abdul Samad; wakil Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), Norsuyani Mohd. Nor dan wakil *Women's Centre for Change* (*WCC*), S. Mangleswary.

Mengulas lanjut, Ahmad Munawir memberitahu bahawa pada tahun ini, terdapat peningkatan 12 peratus kes VAW dalam tempoh empat bulan pertama berbanding tempoh sama tahun sebelumnya.

"Sebanyak 2,576 kes VAW sudah dilaporkan dalam tempoh empat bulan pertama tahun ini.

"Oleh itu, adalah penting untuk kita semua menggembleng tenaga dalam meningkatkan kesedaran umum berhubung VAW sekaligus menjadikan Pulau Pinang sebagai 'rumah kediaman' yang selamat dihuni semua lapisan masyarakat," ujar beliau.

Kempen *Penang Goes Orange* berlangsung pada 6 November sehingga 10 Disember 2015 sempena Hari Hak Asasi Manusia.




**AHLI Dewan Undangan Negeri (ADUN) Sungai Pinang, Lim Siew Khim (barisan depan, dua dari kanan) sambil menunjukkan plakad-plakad berserta mesej khas bergambar bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur pada penganjuran Forum Akta Keganasan Rumah Tangga: Isu, Hak dan Realiti di sini baru-baru ini.**



**AHLI-ahli pasukan USM Eagles menunjukkan hadiah dimenangi dalam Kejohanan Boling Sempena Hari Jadi TYT Ke-77 anjuran bersama MBPP di sini baru-baru ini.**

# Ahli Majlis juara Kategori Individu Kejohanan Boling TYT

**GEORGE TOWN –** Pasukan boling, USM Eagles dari Universiti Sains Malaysia (USM) diumumkan juara pada Kejohanan Boling Sempena Hari Jadi Tuan Yang Terutama Negeri (TYT) Ke-77 anjuran Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) di sini baru-baru ini.

Menurut Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail, kejayaan USM Eagles menewaskan 17 pasukan lain membolehkan mereka membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,500 berserta pingat.

"Mereka berjaya mengalahkan pasukan tempat kedua, MBPP 'A' dengan kelebihan sebanyak 159 jatuhan pin iaitu 2,135 jatuhan pin berbanding 1,976 jatuhan pin pada tiga perlawanan," katanya ketika ditemui di sini.

Memeriahkan majlis adalah kehadiran TYT, Tun Dr. Abdul Rahman Abbas bersama-sama isteri, Toh Puan Dato' Majimor Shariff.

Turut hadir, Setiausaha Kerajaan Negeri, Dato' Seri Farizan Darus dan Setiausaha Bandaraya MBPP, Ir. Ang Aing Thye.

Tambah Patahiyah, kejohanan tersebut merupakan acara julung kali diadakan setelah MBPP menerima status sebagai sebuah bandaraya.

"Kita (MBPP) sentiasa komited dengan penganjuran sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Buktinya, kita (MBPP) telah berjaya memperoleh kejayaan dalam sukan perahu naga dan paintball di peringkat antarabangsa," ujar beliau.

Kejohanan berkaitan memperlihatkan sejumlah 36 penyertaan bagi Kategori Pihak Berkuasa Tempatan dan Kategori Agensi Kerajaan Negeri (18).

Dalam pada itu, Ahli Majlis MBPP, Ong Ah Teong munjul juara bagi Kategori Individu apabila berjaya meraih 300 jatuhan pin dalam tiga perlawanan yang diadakan.



**ONG Ah Teong (kanan sekali) beramah-mesra dengan ahli majlis dan rakan-rakan sekerja MBPP.**

# FESKOM platform pencarian atlet tempur - Exco

**GEORGE TOWN –** Peminat sukan tempur atau *combat sports* dapat melihat sendiri aksi atlet tempur pada penganjuran Festival Sukan Kombat (FESKOM) 2015 selama sebulan di Tapak Pesta Pulau Pinang.

Festival antarabangsa yang cukup sinonim dengan penganjuran tahunan berkaitan turut menampilkan kepelbagaian seni bela diri seperti pencak silat, muay thai, judo, karate do, taekwondo dan tinju.

Exco Belia dan Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Komuniti, Chong Eng berkata, dalam konteks pembangunan sukan negeri, FESKOM merupakan platform dalam mengenalpasti bakat-bakat muda yang berpotensi untuk diketengahkan.

"Sememangnya, seni bela diri merupakan sukan penting dan berprestasi tinggi serta sering kali menjadi penyumbang kepada prospek pingat dalam sesuatu temasya sukan di peringkat kebangsaan mahupun antarabangsa.

"Justeru, pembangunan sukan tempur melalui program pengukuhan atlet di peringkat akar umbi perlu dilakukan dengan serius agar negeri dan negara tidak ketandusan atlet berkebolehan pada masa hadapan terutamanya dalam membawa cabaran di persada kebangsaan serta antarabangsa," katanya pada sidang media pengumuman FESKOM 2015 di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pengarah Majlis Sukan Negeri Pulau Pinang (MSNPP), Frederick Tan Teck An dan Timbalan Pengerusi II MSNPP, Cheah Ban Cheng.

Selaras itu, Chong Eng turut menegaskan bahawa Kerajaan Negeri dan MSNPP telah merangka program-program pembangunan sukan meliputi latihan pengukuhan kekuatan fizikal, psikologi dan mental.

Selain atlet tempatan, FESKOM 2015 turut menampilkan penyertaan dari luar negara seperti Thailand, Brunei, Indonesia, Singapura dan Vietnam.




**CHONG Eng (berbaju merah) merakam gambar kenangan dengan barisan penganjur dan atlet-atlet pada sidang media pengumuman FESKOM 2015 di sini baru-baru ini.**

# Cendawan tiram kelabu, cabaran banyak namun puas tengok hasil - Noordin

Oleh : **YAP LEE YING**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**TIDAK** mudah untuk 'menghasilkan' cendawan tiram kelabu.

Ia merupakan tumbuhan yang manja, sensitif dan memerlukan modal tinggi untuk diusahakan.

Itulah ungkapan diluahkan Noordin Bakar, 51, yang dipertanggungjawabkan untuk menjaga serta 'mengusahakan' tanaman cendawan tiram kelabu di Ibu Pejabat Jabatan Pertanian Negeri Pulau Pinang sejak dua tahun lalu.



NOORDIN Bakar.

Ketika Skuad Jalan-jalan mengadakan lawatan ke tapak semaian cendawan tiram kelabu di bawah jagaannya, beliau sedang sibuk membuat bongkah berisi habuk kayu sebagai 'perumah' bagi benih-benih fungus berkaitan.

Katanya, tempat semaian ini adalah untuk tujuan kursus, praktikal dan juga bagi membolehkan pihak (Jabatan) Pertanian menjalankan kajian serta penyelidikan terhadap tanaman cendawan tiram kelabu.

"Sebelum saya ditukarkan ke bahagian penjagaan tanaman (*nursery*), saya bertugas di bahagian pengurusan di ibu pejabat.

"Di sini, terpaksalah saya belajar dari asas iaitu bermula dengan proses membuat bongkah hinggalah penjagaan cendawan dan menuai ia.

"Banyak cabaran dalam penanaman cendawan ni, ianya rumit, termasuklah dari proses membuat bongkah dan seterusnya," jelas beliau yang turut melabelkan bahawa cendawan tiram kelabu adalah jenis fungus manja, sensitif dan berisiko tinggi sebab terlalu mudah untuk terdedah kepada perosak serta virus.

Mengulas mengenai proses pembuatan bongkah, Noordin yang meminati bidang pertanian sejak kecil menyatakan bahawa bahan asas yang digunakan adalah habuk kayu getah, dedak padi dan kapur pertanian.

"Habuk kayu yang boleh digunakan hanyalah habuk kayu getah dan ia perlu betul-betul kering.

"Selain itu, campuran bahan-bahan berkaitan perlu 'dikukus' dalam 'mesin mengukus' khas semalaman bagi tujuan mematikan kuman di dalamnya.

"Kebersihan perlu dijaga, termasuk penutup yang digunakan untuk menutup bongkah-bongkah tersebut," jelasnya.

Setelah bongkah siap, Noordin menyatakan bahawa benih-benih kemudian disuntik ke dalamnya sebelum ia disusun di atas rak untuk diperam.



RUPA bentuk cendawan tiram kelabu yang tumbuh.

"Dalam tempoh kira-kira sebulan hingga dua bulan, bongkah yang berwarna perang akan bertukar putih menandakan bahawa benih-benih sudah mulai 'masak'. Cendawan kemudian akan mulai tumbuh pada bahagian penutup bongkah (depan)," jelasnya.

Mengulas lanjut, Noordin yang berasal dari Alor Star, Kedah menyatakan bahawa walaupun proses pembuatan bongkah mengikut 'pantang-larang' sedia ada, namun, ia tidak menghalangnya daripada terus rosak walaupun dalam tempoh masa singkat.

"Bongkah yang rosak kelihatan seakan-akan berkulat di dalamnya dan apabila situasi ini berlaku, ia tidak boleh lagi digunakan dan perlu dijauhkan dengan yang lain-lain kerana 'ia' akan berjangkit.

"Malah, terdapat juga bongkah yang 'berjaya' pada peringkat awal kemudian rosak selepas pokok-pokok cendawan tumbuh. Apabila ini berlaku, cendawan yang tumbuh akan menjadi layu dan kemudian tidak lagi membesar.



BONGKAH-bongkah yang disuntik dengan benih cendawan diatur rapi di atas rak bilik semaian.



BONGKAH-bongkah yang siap dibentuk.

"Selain virus penyakit dan keadaan habuk kayu yang tidak cukup kering, bongkah-bongkah yang dibuat dengan harga modal kira-kira RM2 kini juga amat sensitif dengan rokok dan pewangi termasuk minyak wangi.

"Oleh sebab itu, bukan sebarangan orang yang dibenarkan masuk ke dalam tapak semaian cendawan," jelasnya yang turut menjelaskan bahawa teknik penggunaan kapas pada bahagian muncung (penutup) bongkah kini turut digantikan dengan pelekat bagi mengelak serangan haiwan perosak seperti tikus.

Menurut beliau, permintaan pasaran terhadap cendawan tiram kelabu adalah amat tinggi, namun kini tidak ramai pengusaha ingin mengusahakannya.

"Selain modal yang tinggi disebabkan harga bongkah, turut menjadi faktor adalah bekalan habuk kayu getah yang amat terhad.

"Malah, suhu bilik tapak semaian juga tidak boleh terlalu panas, ditambah lagi modal untuk membeli 'mesin mengukus' serta penjagaan virus dan serangga-serangga perosak seperti lipas, tikus dan kuman," katanya yang dikurniakan dua cahaya mata.

Bagi Noordin yang sebelum ini pernah bekerja di kilang di Alma dan Perai, bidang pertanian mampu menjana pulangan yang menguntungkan sekiranya seseorang komited serta minat menceburi ia.

"Walaupun senarai cabaran perusahaan cendawan tiram kelabu adalah lebih 'panjang' berbanding tanaman-tanaman lain, kepuasan melihat cendawan-cendawan tumbuh merupakan kepuasan yang tidak dapat digambarkan.

"Memang seronok dan membuatkan saya berasa semua penat lelah hilang begitu sahaja," ujarnya sambil tersenyum.


PENANG TRADE EVENTS 2016
Dianjurkan Oleh
PIHH HALAL PENANG
Mempersembahkan
WORLD CURRY FESTIVAL
3rd Penang International Halal Chefs Challenge 2016
حلال
PIHEC2016
EKSPO dan PERSIDANGAN HALAL ANTARABANGSA KALI KE-7
Dengan Kerjasama
Penang GLOBAL TOURISM
investPenang
Ditaja Oleh
MES MALAYSIAN EXHIBITION SERVICES SDN BHD
ALLWORLD EXHIBITIONS MEMBER
Enrico's TRULY ORIGINAL
OLIVE TREE HOTEL
Rakan Media
DagangHalal.com halal trade globally
zilzar
29~31 JAN. 2016 / 10PAGI~8MALAM / SPICE (PISA)
04-262 5444
PihecEvent
www.pihec.com.my

# Van kaunter bergerak MBPP harap mudahkan pelanggan




JADUAL khidmat van kaunter bergerak MBPP.

Oleh : **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **ALISSALA THIAN**

**GEORGE TOWN** – Van kaunter bergerak Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) yang mula beroperasi mengikut jadual sejak 1 Disember lalu di beberapa lokasi pasar serta tapak jaja terpilih diharap memudahkan pelanggan membayar bil berwajib serta melangsaikan tunggakan.

Ahli Majlisnya, Joseph Ng Soon Siang berkata, kaunter tersebut menerima semua jenis bil MBPP (kecuali Bil Tempahan), bil Perbadanan Bekalan Air Pulau Pinang (PBAPP), bil Sewa Perbadanan Pembangunan Pulau Pinang (PDC), bil Caj Servis PDC Urus Setia serta Bil Cukai Taksiran Majlis Perbadaran Seberang Perai (MPSP).

"Kaunter bergerak ini seumpama satu pusat sehenti," jelasnya yang juga Pengerusi Jawatankuasa Tetap Pengurusan Kewangan MBPP pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beberapa Ahli-ahli Majlis serta Ketua-ketua Jabatan MBPP turut sertai sidang media itu.

Difahamkan, MBPP memperuntukan kira-kira RM158,311 untuk membeli serta mengubahsuai semula van berkenaan.

Soon Siang memberitahu, operasi kaunter bergerak tersebut lebih menumpu pada kawasan yang direkodkan banyak tunggakan berwajib kepada MBPP.

"Kita nak ubah persepsi masyarakat.

"Diharap dengan adanya khidmat kaunter bergerak ini, ia akan memudahkan orang ramai menjelaskan bil tertunggak.

"Urusan pembayaran boleh dilakukan secara tunai, cek ataupun wang pos sahaja," jelasnya.

Dalam pada itu, Soon Siang memberitahu, Majlis Mesyuarat Biasa (MBM) sebelum ini memutuskan supaya van kaunter bergerak tersebut tidak menerima pembayaran bil Tenaga Nasional Berhad (TNB) dan Telekom Malaysia (TM) atas hujah ada caj tambahan dikenakan ke atas pengguna.

Sebarang pertanyaan lanjut, sila hubungi, Unit Pembilang Wang MBPP di talian 04 - 259 2179 dan Unit Aduan MBPP di 04 - 259 2058.




ORANG ramai menggunakan kemudahan membayar bil menerusi khidmat van kaunter bergerak MBPP sejurus selepas pelancarannya di sini baru-baru ini.

## Ahli majlis harap MBPP timbang laksana pembangunan semula unit perumahan usang

**GEORGE TOWN** – Ahli Majlis Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Sha'ari Md. Salleh meminta agar MBPP dapat mempertimbangkan pelaksanaan pembangunan semula unit-unit perumahan bertingkat tinggi di bawah kategori kos rendah yang telah usang dan tidak terancang di negeri ini.

Hal ini katanya, adalah disebabkan perumahan bertingkat tinggi atau flat-flat yang hanya berkeluasan minima antara 400 hingga 500 kaki persegi (k.p) dengan hanya dua bilik tidur tidak lagi sesuai untuk didiami masyarakat hari ini.

"Saya tertarik dengan pengumuman yang dibuat Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo berhubung pembangunan semula Flat Taman Free School yang akan dijadikan sebagai projek perintis di bawah program pembangunan semula.

"Pembangunan semula yang lebih terancang perlu dilakukan terutamanya melibatkan flat-flat kos rendah usang, kotor dan kos penyelenggaraan yang semakin meningkat saban tahun.

"Melalui konsep ini, penduduk tidak perlu mengeluarkan duit atau berpindah sehingga unit rumah baru siap sepenuhnya di kawasan berhampiran.

"Sebaliknya, penghuni akan digantikan dengan saiz rumah yang lebih besar iaitu 700 k.p dan turut dilengkapi dengan kemudahan asas seperti tempat letak kereta, kompleks serbaguna, taman rekreasi dan surau," ujarnya pada ucapan penangguhan Mesyuarat Biasa MBPP di sini baru-baru ini.

Tambah Sha'ari, melalui pelaksanaan tersebut, sesebuah lokasi projek hanya akan dibangunkan semula sepenuhnya setelah semua penduduk selesai dipindahkan ke bangunan baru.

"Projek ini bukan sahaja memberikan lebih keselesaan kepada rakyat berpendapatan rendah, bahkan akan menambah pendapatan Majlis (MBPP) secara relatifnya dari segi penambahan penghuni dan ruang yang lebih luas," jelas beliau.

## Jom sertai *George Town City Ride*, 3 Jan.

**GEORGE TOWN** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) mempelawa orang ramai terutama mereka yang berminat dalam sukan berbasikal untuk menyertai program, *George Town City Ride 2016* yang bakal diadakan pada 3 Januari ini.




AR. Yew Tung Seang (tiga dari kanan) bersama-sama ahli-ahli jawatankuasa penganjur menunjukkan contoh jersi penganjuran *George Town City Ride 2016* yang bakal diadakan pada 3 Januari ini di sini.

Pengerusi Penganjur yang juga Pengarah Kawalan Bangunan MBPP, Ar. Yew Tung Seang berkata, program tersebut diadakan bersempena sambutan tahun kedua pengiktirafan status bandaraya MBPP.

"Kami (penganjur) menyasarkan lebih 2,000 peserta bakal mengambil bahagian berdasarkan pengalaman penganjuran sebelum ini.

"Pada acara tersebut, setiap peserta akan berbasikal sejauh 43 kilometer (km) bermula di hadapan Dewan Bandaran, Jalan Padang Kota Lama ke Teluk Bahang sebelum kembali semula ke Dewan Bandaran di sini," katanya pada sidang media baru-baru ini.

Hadir sama, Pengerusi G-Club Penang Cyclists (G-Club), Dr. Lim Seh Guan serta ahli-ahli jawatankuasa G-Club selaku penganjur bersama.

Tambah Tung Seang, pihak penganjur bakal menyediakan 2,000 kemeja-t percuma kepada 2,000 peserta terawal.

"Oleh itu, orang ramai dinasihatkan untuk datang awal (pada hari penganjuran) ke Dewan Bandaran bagi mendapatkan kemeja-t (percuma) berkaitan,'' ujar beliau yang menyatakan bahawa tiada sebarang proses pendaftaran diperuntukan.

# Bayaran PTK, kompaun MBPP kini secara *online*

**GEORGE TOWN –** Orang ramai kini boleh membuat pembayaran secara atas talian *(online)* bagi kes Pemberitahuan Tentang Kesalahan (PTK) atau kompaun kesalahan letak kereta Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Perkara tersebut diumumkan Ahli Majlisnya merangkap Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Kewangan, Joseph Ng Soon Siang pada sidang media di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, pembayaran secara atas talian hanya melibatkan PTK atau kompaun dikeluarkan bermula 2 Januari 2014 oleh MBPP di bawah Perintah Pengangkutan Jalan (Tempat Letak Kereta) Majlis Perbandaran Pulau Pinang 2014.

"PTK atau kompuan ini tertakluk kepada 10 kesalahan yang telah digariskan.

"Iaitu kesalahan meletak kenderaan di luar petak; kesalahan petak letak kereta; mengalih kompaun dari kenderaan; meletak kenderaan di dalam petak OKU atau petak khas dan kesalahan tidak mematuhi papan tanda atau isyarat lalulintas.

"Turut tersenarai, kesalahan meletak kenderaan atau halangan di atas siar kaki awam; tidak mempamerkan kupon; kesalahan melibatkan kupon; kesalahan melibatkan alat peraga berelektronik dan kesalahan pas premium," jelasnya.

Hadir sama, Ahli Majlis MBPP, Syerleena Abdul Rashid.

Mengulas lanjut, Soon Siang memberitahu bahawa MBPP kini dalam usaha menyediakan pelbagai platform bagi memudahkan orang ramai berurusan dengan pihak Majlis.

"Kita ingin jadikan perkhidmatan yang disediakan MBPP bersifat mesra pengguna terutamanya dalam memudahcara orang awam membayar bil dan kompaun.

"Pihak MBPP telahpun melaksanakan Mesin Auto Kiosk iaitu mesin pembayaran mudah alih dan Van Kaunter Bergerak, semuanya adalah untuk kemudahan orang awam," jelasnya.

Pembayaran boleh dibuat menggunakan kad kredit ataupun kad debit menerusi laman sesawang rasmi MBPP, *www.mbpp.gov.my.*

Sebarang pertanyaan lanjut, sila berhubung dengan Che Som Darus dari Unit Kompaun MBPP di talian 04 – 259 2242 atau Rohaya Mohd. Rashid dari Unit Aduan, Jabatan Perbendaharaan MBPP (04 – 259 2058).



**JOSEPH Ng Soon Siang (kanan) dan Syerleena Abdul Rashid menunjukkan format PTK atau kompaun kesalahan letak kereta MBPP yang boleh dibuat bayaran secara atas talian pada sidang media di sini baru-baru ini.**

# Wai Fong pemenang pertandingan fotografi flotila MBPP

**GEORGE TOWN –** Fong Wai Fong dinobatkan sebagai juara Pertandingan Fotografi Flotila yang berlangsung pada tempoh 2 Ogos hingga 22 Ogos lalu di sini.

Kejuaraan tersebut membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai berjumlah RM1,000.

Pengarah Khidmat Pengurusan Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP), Mohamed Akbar Mustapha berkata, penganjuran tersebut adalah hasil kerjasama antara pihak berkuasa tempatan (PBT) berkaitan dan Pertubuhan Senifoto Pulau Pinang.

"Kita (MBPP) menerima sebanyak 30 penyertaan sepanjang tempoh penganjurannya dan telah membuat saringan bagi menobatkan pemenang.

"Hadiah-hadiah berbentuk wang tunai untuk pertandingan ini adalah hasil sumbangan IJM Land Berhad (pemaju)," katanya pada Majlis Penyampaian Hadiah Pertandingan Fotografi Flotila di sini baru-baru ini.

Majlis tersebut disempurnakan, Pengurus Kanan Pembangunan Tanah, IJM Land Berhad, Fong Choon Fuoi.

Hadir sama, Pengarah Khidmat Kemasyarakatan MBPP, Rashidah Jalaludin.

Tempat kedua dimenangi oleh Tan Chen Weng yang membawa pulang wang tunai RM800 dan ketiga, Ho Cheng Won (RM 500).

Lima pemenang saguhati turut dipilih iaitu, Chua Boon Keat, Chee Eng Beng, Tan Chen Weng (dua hadiah) dan Yeap Chong Won yang masing-masing menerima hadiah wang tunai RM100.

Sebelum itu, MBPP berjaya mengekalkan gelaran juara buat dua tahun berturut-turut bagi Anugerah Bot Paling Popular sempena penganjuran *Magic Of The Night 2015* di Putrajaya pada 28 hingga 31 Mei lalu.

Pemenang peraduan adalah dipilih berdasarkan jumlah *'like'* terbanyak di laman FB.

Flotila Pulau Pinang adalah bertemakan *Colours of Harmony*.




**MOHAMED Akbar Mustapha (tiga dari kiri) bergambar kenangan dengan para pemenang Pertandingan Fotografi Flotila 2015 pada majlis penyampaian hadiahnya di sini baru-baru ini.**




**RUPA bentuk flotila MBPP yang bertemakan *Colours of Harmony.***

## RALAT PENGARANG:

**MERUJUK** kepada terbitan Buletin Mutiara edisi 1 - 15 Ogos, 2015, artikel bertajuk "Kutipan sampah kelolaan MPSP sentiasa ikut jadual - YDP" yang disiarkan di muka surat 20..

Adalah dimaklumkan bahawa kutipan sampah di Taman Anggerik, Kampung Benggali, Taman Tenggiri dan Jalan Bunga Tanjung 7 adalah di bawah seliaan MPSP.

Manakala, seliaan masalah longkang tersumbat di Jalan Permatang Pauh (Jalan Persekutuan) adalah di bawah JKR melalui syarikat konsesi Belati Wangsa.

Sidang Redaksi memohon maaf di atas kesilapan yang tidak disengajakan.

16 – 31 Disember, 2015 buletin Mutiara

# 357 nelayan Teluk Bahang terima sumbangan pukat

Oleh: **WATAWA NATAF ZULKIFLI**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**TELUK BAHANG –** Seramai 357 nelayan setempat menerima bantuan pukat daripada Kerajaan Negeri, buat kali kedua pada tahun ini.

Timbalan Yang di-Pertua Majlis Agama Islam Pulau Pinang (MAIPP), Dato' Abdul Halim Hussain menyempurnakan majlis penyampaian sumbangan berkaitan.

"Kita (Kerajaan Negeri) tampil dengan idea memberi bantuan pukat dua kali setahun, demi meringankan beban para nelayan.

"Seperti mana kita tahu, kehidupan nelayan tidak hanya terbeban dengan kos sara hidup yang meningkat semata-mata, bahkan, faktor cuaca juga sering menjadi cabaran utama dalam melakukan aktiviti penangkapan ikan ini," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Pukat Peringkat Zon Teluk Bahang dekat Kompleks Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM) di sini baru-baru ini.

Hadir sama, Pegawai Penyelaras Kawasan Dewan Undangan Negeri (PPK) Teluk Bahang, Halil Sabri Hamid dan PPK Pulau Betong, Mohd. Tuah Ismail.

Menurut Abdul Halim, kira-kira RM60,345 dibelanjakan untuk pembelian dua set pukat kepada nelayan berdaftar berkaitan.



**ABDUL Halim Hussain (berbaju jingga), Halil Sabri Hamid (berbaju bercorak kotak) dan Mohd. Tuah Ismail (berbaju ungu) bergambar kenangan dengan para penerima sumbangan pada Majlis Penyampaian Sumbangan Bantuan Pukat Peringkat Zon Teluk Bahang di sini baru-baru ini.**



**BEBERAPA nelayan menunjukkan sumbangan diterima.**



**WONG Hon Wai (depan, tiga dari kiri) beramah-mesra dengan sebahagian penerima pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kelengkapan Persekolahan KADUN Air Itam di sini baru-baru ini.**

## ADUN sumbang kelengkapan sekolah

**AIR ITAM –** Seramai 326 pelajar sekolah rendah dalam Kawasan Dewan Undangan Negeri (KADUN) Air Itam menerima sumbangan kelengkapan persekolahan di sini baru-baru ini.

Menurut ADUN Air Itam, Wong Hon Wai, sejumlah RM24,000 diperuntukan untuk menjayakan pemberian sumbangan kali ini.

"Saban tahun, saya akan cuba bantu meringankan bebanan mereka yang kurang berkemampuan dengan membeli kelengkapan seperti pakaian sekolah, kasut dan beg sekolah untuk anak-anak terpilih.

"Saya berharap dengan pemberian sumbangan ini, mereka akan lebih bersemangat untuk kembali ke sekolah dan mengejar cita-cita demi masa hadapan masing-masing," katanya pada Majlis Penyampaian Sumbangan Kelengkapan Persekolahan KADUN Air Itam di sini baru-baru ini.



**SEBAHAGIAN pelajar yang menerima sumbangan.**




**STEVEN Sim Chee Keong (kiri sekali) bersama-sama Chong Eng (dua dari kiri) menyaksikan Wan Ishak Soed (dua dari kanan) menyerahkan cek tuntutan ganti rugi kepada salah seorang penduduk yang terbabit pada majlis sidang media di sini baru-baru ini.**

# Tuntutan ganti rugi 9 penduduk berjaya hasil inisiatif MP

Teks & Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**PADANG LALANG –** Sembilan penghuni rumah di Lorong Binjai 7 dekat Taman Sri Rambai di sini akhirnya berjaya mendapat tuntutan ganti rugi masing-masing daripada pihak berwajib, selepas campur tangan oleh Ahli Parlimen Bukit Mertajam, Steven Sim Chee Keong.

Chee Keong memberitahu, penghuni-penghuni berkaitan memperoleh pampasan berwajib daripada Tenaga Nasional Berhad (TNB) disebabkan suatu kejadian voltan elektrik berlebihan yang berlaku di sini, 20 Mei lalu.

Jelasnya, kabel neutral di sini terputus akibat dilanggar oleh lori, sehingga mengakibatkan kerosakan pada peralatan elektrik mereka yang terbabit.

"Setelah aduan dibuat kepada TNB, para penghuni pada mulanya dimaklumkan bahawa TNB tidak akan bertanggungjawab kerana ia adalah di luar bidang kuasa mereka (TNB) dan ia adalah disebabkan kemalangan oleh pihak luar.

"Namun, setelah isu ini dibangkitkan di dalam Mesyuarat Tindakan Kerja Daerah Seberang Perai Tengah (SPT), mengutuskan surat kepada TNB dan berjumpa dengan pengurus kawasan serta pengurus besar, akhirnya tuntutan pampasan berjaya diselesaikan," ujarnya pada sidang media di sini baru-baru ini.

Exco Belia & Sukan, Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat merangkap Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Padang Lalang, Chong Eng dan Pengurus Kawasan TNB Seberang Jaya, Ir. Wan Ishak Soed turut hadir pada majlis pertemuan itu.

Wan Ishak dalam kenyataannya memuji inisiatif Chee Keong dan Chong Eng kerana membantu TNB melihat beberapa perkara yang diakui terlepas pandang sehingga beberapa pihak terbabit berjaya mendapat pampasan berwajib.

"Pada mulanya, siasatan mendapati punca voltan elektrik berlebihan berlaku disebabkan kemalangan oleh pihak luar dan bukan (oleh) pihak TNB.

"Namun, setelah penelitian terhadap bukti-bukti yang dikumpulkan oleh pihak Ahli Parlimen dan ADUN, kita dapati kabel tersebut dilanggar oleh lori kerana tiang kabel itu condong dan penduduk yang terbabit berhak mendapatkan pampasan," jelas beliau.

Pada pertemuan itu, TNB membayar sejumlah RM6,297.46 pampasan atas semua tuntutan pembaikan yang dibuat, setelah ditolak cukai barangan dan perkhidmatan (GST), caj servis dan susut nilai bagi barangan yang dibeli baru.

# Majukan tanah lapang sebelum serah kepada PBT - ADUN



KETUA Menteri, Jagdeep Singh Deo (bertali leher) dan Patahiyah Ismail (bertudung) menyiram sepohon pokok yang ditanam sebagai simbolik Majlis Cadangan Pembinaan Taman Kejiranan Lengkok Free School di sini baru-baru ini.

Oleh : **ZAINULFAQAR YAACOB**
Gambar : **DARWINA MOHD. DAUD**

**DATUK KERAMAT** – Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP) diminta mempertimbang syor untuk mewujudkan garis panduan baharu supaya tanah lapang yang akan diserahkan kepada pihak berkuasa tempatan (PBT) diperindahkan oleh pemaju perumahan terlebih dahulu.

Exco Perancangan Bandar & Desa dan Perumahan, Jagdeep Singh Deo memberitahu, langkah itu demi memastikan tiada lagi *open space* yang terbiar sampai 12 tahun, seperti di Taman Kejiranan Lengkok Free School di sini.

"Saya mencadangkan kepada MBPP supaya ada suatu garis panduan agar tanah lapang yang akan diserahkan ini mesti dimajukan terlebih dahulu, agar Pulau Pinang boleh 'dihijaukan' serta memberi manfaat kepada penduduk di sekeliling," katanya juga Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Datuk Keramat pada Majlis Cadangan Pembinaan Taman Kejiranan Lengkok Free School di sini baru-baru ini.

Ketua Menteri, Y.A.B. Tuan Lim Guan Eng sendiri dalam ucapannya bersetuju dengan cadangan Jagdeep supaya suatu garis panduan baharu berwajib diwujudkan oleh PBT berkenaan.

"Kalau tak ada *progres* (sebarang pelaksanaan) seperti (di Lengkok Free School) ini, saya rasa kita (Kerajaan Negeri) wajibkan.

"Sebelum serahkan, mesti cantikkan tanah lapang dahulu, supaya MBPP tidak perlu belanja wang untuk buat taman baru yang tidak dibuat (terbiar) sejak 10 hingga 20 tahun lepas," ujarnya sebelum merasmikan majlis berkaitan.

Mengulas lanjut, Guan Eng memberitahu, penduduk setempat akan terdedah kepada wabak denggi apabila satu-satu tanah lapang yang terbiar di negeri ini menjadi sarang pembiakan nyamuk aedes.

Dalam pada itu, Datuk Bandar MBPP, Dato' Patahiyah Ismail pula memberitahu bahawa kos memajukan tanah lapang Taman Kejiranan Lengkok Free School tersebut menelan belanja RM109,600, dengan kurangan sebanyak RM47,600 disumbangkan oleh beberapa Ahli Majlis MBPP.



KERJA-kerja sedang dijalankan.




LAKARAN grafik Taman Kejiranan Lengkok Free School setelah ia siap kelak.

## Gelanggang sepak takraw hasrat komuniti Taman Ru

**PAYA TERUBONG** – Gelanggang sepak takraw yang dibina di Taman Ru di sini disumbangkan oleh Majlis Bandaraya Pulau Pinang (MBPP).

Ahli Dewan Undangan Negeri (ADUN) Paya Terubong, Yeoh Soon Hin dalam ucapannya memberitahu bahawa pihaknya hanya memanjangkan hasrat penduduk setempat untuk membina gelanggang itu.

"Saya panjangkan permintaan penduduk kepada MBPP memandangkan taman di sini merupakan seliaan pihak berkaitan (MBPP).

"Akhirnya, pada 20 November lalu, gelanggang ini berjaya dirasmikan dan digunakan untuk kali pertamanya sempena penganjuran pertandingan sepak raga tuju," katanya ketika hadir merasmikan majlis berkaitan di sini baru-baru ini.

Pada majlis berkaitan, Soon Hin turut menunjukkan bakatnya bermain sepak raga sebagai acara gimik pada perasmian tersebut.



YEOH Soon Hin (barisan depan, dua dari kanan) menyampaikan hadiah kepada salah seorang pemenang pertandingan sepak raga tuju yang dianjurkan sempena Majlis Perasmian Gelanggang Sepak Takraw Taman Ru di sini baru-baru ini.

**PERBADANAN KETUA MENTERI PULAU PINANG**

**PERMINTAAN UNTUK CADANGAN (RFP)**

Tawaran ini adalah bertujuan untuk mempelawa para pembida bagi menyertai *Permintaan untuk Cadangan* seperti berikut:-

| | | |
|---|---|---|
| **TAJUK** | : | ***REQUEST FOR PROPOSAL FOR THE DEVELOPMENT OF COASTAL RESORT AND SPA, NORTH EAST DISTRICT, PENANG, MALAYSIA*** |
| **TARIKH DIBUKA** | : | **15 DISEMBER 2015** |
| **TARIKH DITUTUP** | : | **15 FEBRUARI 2016** |

1. Dokumen RFP tersebut boleh dimuat turun melalui Laman Sesawang Kerajaan Negeri Pulau Pinang di http://www.penang.gov.my/ mulai 15 Disember 2015.

2. Cadangan lengkap hendaklah dimasukkan ke dalam sampul bertutup yang ditulis di bahagian sudut atas kanan **'Request For Proposal For The Development Of Coastal Resort and Spa, North East District, Penang, Malaysia'**. Cadangan lengkap tersebut hendaklah dihantar kepada **Sekretariat, Perbadanan Ketua Menteri Pulau Pinang, Tingkat 47, KOMTAR, 10503 Pulau Pinang, Malaysia** sebelum 12.00 tengah hari pada **15 Februari 2016**.

3. Cadangan yang diterima selepas tarikh tutup tidak akan dilayan.

# Pasangan kembar antara pemenang melukis poster BM

Oleh: **NORSHAHIDA YUSOFF**
Gambar : **AHMAD ADIL MUHAMAD**

**GEORGE TOWN –** Pasangan kembar seiras Chew Wan Yii dan Chew Wan Xin, 21, merupakan antara sembilan pemenang Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang anjuran bersama Buletin Mutiara (BM) dan Perbadanan Pembangunan Wanita Pulau Pinang (PWDC) di sini baru-baru ini.

Kejayaan Wan Yii yang menjuarai kategori 18 tahun ke atas membolehkan beliau membawa pulang hadiah wang tunai bernilai RM500 dan sijil penghargaan, manakala, Wan Xin, tempat ketiga menerima RM300 dan sijil penghargaan.

Tempat kedua kategori sama disandang oleh Mohammad Ikhwan Ibrahim, 25, yang membawa pulang hadiah wang tunai RM400 dan sijil penghargaan.

Ternia Choong. 16, diumumkan sebagai juara bagi kategori 13 hingga 17 tahun. Tempat kedua disandang oleh Lim Xin Ying, 14, dan Ooi Li Wen, 13, ketiga menerima RM300 dan sijil penghargaan.

Bagi kategori 12 tahun dan ke bawah, juara ialah Chew Yu Qi, 7, Fong Jia Xin, 10, (naib juara) dan Ong Yi Lin, 12, (ketiga).

Majlis penyampaian hadiah disempurnakan Timbalan Ketua Menteri I, Dato' Mohd Rashid Hasnon bersempena Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange 2015, Hentikan Keganasan, Hormati Wanita di sini baru-baru ini.

Turut hadir, bekas Ketua Pegawai Eksekutif PWDC, Aloyah A. Bakar.

Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang telah berlangsung dari 25 September hingga 25 November lalu dengan terbahagi kepada tiga kategori.



**SARINGAN awal pemilihan.**




**MOHD. Rashid Hasnon (barisan kedua, empat dari kanan) bergambar bersama-sama ahli jawatankuasa penganjur dan para pemenang Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang pada Majlis Penutupan Kempen Penang Goes Orange 2015, Hentikan Keganasan, Hormati Wanita di sini baru-baru ini.**



**ALOYAH A. Bakar memeluk erat Chew Yu Qi yang muncul juara kategori 12 tahun dan ke bawah Peraduan Melukis Poster: Kreativiti Anak Penang.**

